

Satu kajian perbandingan ciri-ciri sekolah berkesan  
dengan sekolah kurang berkesan

Oleh

Md. Rahim bin Salim

Laporan Praktikum sebagai syarat separa untuk

Keperluan Sarjana Pendidikan

R 1504
371.2
MDR.

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Universiti Sains Malaysia

23 April 2001

Control No:	
Accession No.:	050008/1862

## ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau sejauh manakah perlakuan sekolah berkesan dipraktikkan di sekolah rendah kebangsaan dan mengenalpasti perlakuan sekolah berkesan yang memberi impak kepada pencapaian akademik pelajar .

Kajian ini dijalankan di tujuh buah sekolah rendah kebangsaan yang terletak di bandar Taiping dan berasal daripada sekolah mubaligh . Sekolah tersebut dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan kepada prestasi pencapaian pelajar dalam peperiksaan UPSR bagi tahun 1998 , 1999 dan 2000 . Rekabentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik yang mempunyai empat skala , manakala analisis data pula menggunakan statistik ANOVA satu hala dan diikuti dengan ujian Tukey-HSD .

Menurut persepsi guru , hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa tujuh daripada sembilan dimensi perlakuan sekolah berkesan iaitu kepimpinan berkesan , pengajaran berkesan , konsep sendiri akademik , jangkaan tinggi untuk semua, hak dan tanggungjawab pelajar , pemantauan kemajuan pelajar dan penglibatan ibu bapa , telah dipraktikkan dengan memuaskan. Hanya dua dimensi perlakuan sekolah berkesan iaitu budaya sekolah positif dan pembangunan staf , yang dipraktikkan pada tahap yang kurang memuaskan . Hasil perbandingan yang dilakukan terhadap kategori sekolah mendapati bahawa perlakuan budaya positif sekolah dan faktor status ekonomi keluarga pelajar yang memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar .

## ABSTRACT

This research sought to study the extent of effective school behaviours to be practiced in primary schools and to identify effective school behaviours which will give impact on the students' academic performance .

This research will be conducted in seven primary schools located in Taiping which originally are missionary schools . The schools will be divided into three categories based on students' performance in the UPSR examination in 1998,1999 and 2000 . The research design is the Survey method using a four-scale questionnaire . The data will be analysed using the one-way ANOVA followed by the Tukey-HSD test .

According to teachers' perception , the findings from the research shows that seven out of the nine dimensions of effective school behaviours that are effective leadership, effective teaching , academic self-concept , high expectation for all , students' rights and responsibilities , students' progress monitoring and parents' involvement have been practiced well in school . Only two dimensions of effective school behaviours have not been practiced well in school . They are positive school culture and staff development . The result of the comparisons between the different schools , positive school culture behaviour and family economic status factor gave a positive effect on students' performance .

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah , setinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah SWT atas hidayah, petunjuk dan limpah kurniaNya sehingga kajian ini dapat dilaksanakan mengikut tempuh sebagaimana yang dirancangan .

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Dato' Prof. Ghazali bin Othman selaku penyelia dan Prof. Madya Dr. Mustapha bin Kassim , diatas segala bimbingan , tunjuk ajar dan nasihat yang amat berharga kepada saya disepanjang tempuh menyiapkan tesis ini .

Setinggi penghargaan turut dihulurkan kepada En. Ibrahim bin Jusoh , Pegawai Pendidikan Daerah, dan Tn. Hj. Zakarya bin. Hj. Osman , Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah (Pengurusan Sekolah) , Daerah Larut Matang dan Selama, Perak , yang telah memberi kebenaran dan sokongan kepada saya untuk menjalankan kajian ini.

Kepada semua guru besar yang telah mengizinkan saya membuat kajian di sekolah mereka dan membekalkan maklumat yang diperlukan untuk kajian ini , saya ucapkan ribuan terima kasih . Ucapan terima kasih tidak dilupakan kepada semua responden kajian dan kajian rintis diatas kesudian mereka memberi maklumbalas melalui soal selidik yang dikemukakan .

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada En. Haris bin Hashim dan En. Abd. Ghani Kanesan bin Abdullah, yang banyak membantu saya dalam penggunaan komputer. Akhir sekali , ucapan terima kasih ditujukan kepada Pn. Hjh. Asriyah bt. Abdullah dan Pn Norzilah bt Mohd.Yusof yang membantu saya dalam membuat penyemakan terhadap penulisan tesis ini .

Penghargaan istimewa untuk isteri yang disayangi

Jamilah binti Haron

Dan

Anak-anak ku yang dikasihi

Nurul Aniza Rahayu

Abdul Hafiz Rafiuddin

Nurul Arina Kamillah

yang banyak bersabar dan sentiasa mendorong saya

untuk mengejar status pendidikan

yang lebih tinggi.

## KANDUNGAN

	halaman
<b>Bab 1 Pendahuluan</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang masalah	2
1.3 Pernyataan masalah	3
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Hipotesis kajian	5
1.6 Tujuan kajian	11
1.7 Kepentingan kajian	11
1.8 Batasan kajian	12
<b>Bab 2 Sorotan Kajian Berkaitan</b>	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Definisi sekolah berkesan	13
2.3 Kajian sekolah berkesan terdahulu	14
2.4 Perkembangan penyelidikan keberkesanan sekolah	14
2.4.1 Peringkat paradigma input-output	15
2.4.2 Peringkat pengenalan penbolehubah proses	15
2.4.3 Peringkat kemunculan penambahbaikan sekolah	17
2.4.4 Peringkat pengenalan faktor kontek	18
2.5 Dapatan kajian keberkesanan sekolah	18
2.6 Ciri-ciri keberkesanan sekolah	21

2.6.1	Kepimpinan berkesan	22
2.6.2	Pengajaran berkesan	23
2.6.3	Pemupukan konsep sendiri akademik	24
2.6.4	Budaya sekolah positif	25
2.6.5	Jangkaan tinggi terhadap pencapaian dan tingkahlaku	26
2.6.6	Penekanan kepada hak dan tanggungjawab pelajar	26
2.6.7	Pemantauan kemajuan untuk semua peringkat	27
2.6.8	Pembangunan staf	27
2.6.9	Penglibatan ibu bapa	28
2.7	Rumusan	29
<b>Bab 3</b>	<b>Metadologi Kajian</b>	
3.1	Pengenalan	30
3.2	Reka bentuk kajian	30
3.3	Persampelan	31
3.3.1	Pemilihan responden	31
3.3.2	Pemilihan sampel	31
3.3.3	Lokasi sekolah sampel	33
3.4	Kajian rintis	34
3.5	Alat ukur kajian	35
3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur	35
3.7	Pentadbiran soal selidik	36
3.8	Tatacara analisis data	37
3.8.1	Statistik diskriptif	37

3.8.2	Statistik perbandingan min	37
3.8.3	Analisis faktor	38
3.9	Rumusan	38
<b>Bab 4 : Analisis dan dapatan kajian</b>		
4.1	Pendahuluan	39
4.2	Perihalan pengumpulan data	39
4.3	Analisis faktor	39
4.4	Analisis kajian kebolehpercayaan	41
4.5	Latar belakang kajian	42
4.5.1	Latar belakang responden	42
4.5.1.1	Latar belakang responden berdasarkan jantina	42
4.5.1.2	Latar belakang responden berdasarkan jawatan	42
4.5.1.3	Latar belakang responden berdasarkan etnik	43
4.5.1.4	Latar belakang responden berdasarkan umur	43
4.5.1.5	Latar belakang responden berdasarkan pengalaman	43
4.5.2	Latar belakang sekolah	43
4.5.2.1	Latar belakang murid berdasarkan etnik	44
4.5.2.2	Latar belakang murid berdasarkan kelayakan SPBT	44
4.6	Analisis pembolehubah	45
4.6.1	Analisis skor pembolehubah	45
4.6.2	Analisis kedudukan pembolehubah berdasarkan kumpulan prestasi	47
4.7	Ujian hipotesis	48



4.8	Rumusan	58
-----	---------	----

## **Bab 5 : Perbincangan dan Kesimpulan**

5.1	Pendahuluan	60
5.2	Perbincangan	60
5.2.1	Latar belakang responden	60
5.2.2	Latar belakang sekolah	61
5.3	Amalan perlakuan sekolah berkesan	62
5.4	Dapatan ujian hipotesis	63
5.5	Rumusan dapatan kajian	72
5.6	Implikasi kajian	76
5.7	Cadangan untuk kajian lanjutan	77
5.8	Penutup	78
6.0	<b>Bibliografi</b>	80

Hak Milik MARA

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman	
3.1	Taburan responden mengikut kumpulan sekolah	87
3.2	Pencapaian UPSR mengikut kumpulan sekolah	87
3.3	Pembahagian item soalselidik mengikut dimensi kajian	88
4.1	Perihalan pengumpulan data	88
4.2	Analisis kebolehpercayaan instrumen kajian	89
4.3	Latar belakang responden berdasarkan jantina	89
4.4	Latar belakang responden berdasarkan jawatan	90
4.5	Latar belakang responden berdasarkan etnik	90
4.6	Latar belakang responden berdasarkan umur	91
4.7	Latarbelakang responden berdasarkan pengalaman mengajar	92
4.8	Latar belakang murid berdasarkan etnik	92
4.9	Latar belakang murid berdasarkan kelayakan menerima SPBT	93
4.10	Skor pembolehubah mengikut pangkatan	46
4.11	Kedudukan pembolehubah berdasarkan kumpulan prestasi	93
4.12	Analisis varian pembolehubah PKKA terhadap kumpulan sekolah	49
4.13	Analisis varian pembolehubah PB terhadap kumpulan sekolah	50
4.14	Analisis varian pembolehubah JTUS terhadap kumpulan sekolah	51
4.15	Analisis varian pembolehubah PK terhadap kumpulan sekolah	52
4.16	Analisis varian pembolehubah HTP terhadap kumpulan sekolah	53

4.17	Analisis varian pembolehubah KB terhadap kumpulan sekolah	54
4.18	Analisis varian pembolehubah PIB terhadap kumpulan sekolah	55
4.19	Keputusan Ujian Tukey-HSD terhadap pembolehubah PIB	94
4.20	Analisis varian pembolehubah BSP terhadap kumpulan sekolah	56
4.21	Keputusan Ujian Tukey-HSD terhadap pembolehubah BSP	95
4.22	Analisis varian pembolehubah PS terhadap kumpulan sekolah	57
4.23	Ringkasan keseluruhan pengujian hipotesis	58

Hak Milik MARA

## KEPENDEKAN

- BSP - Budaya Sekolah Positif
- HTP - Hak dan Tanggungjawab Pelajar
- JTUS - Jangkaan Tinggi Untuk Semua
- KB - Kepimpinan Berkesan
- PB - Pengajaran Berkesan
- PIB - Penglibatan Ibu Bapa
- PK - Perkembangan Kemajuan
- PKKA - Pemupukan Konsep Kendiri Akademik
- PS - Perkembangan Staf
- SES - Status Sosioekonomi
- SPBT - Skim Pinjaman Buku Teks
- SPR - Sekolah Prestasi Rendah
- SPS - Sekolah Prestasi Sederhana
- SPT - Sekolah Prestasi Tinggi
- UPSR - Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## **Bab 1**

### **Pendahuluan**

#### **1.1 Pengenalan**

Hasil kajian yang dilaporkan dalam laporan Coleman (1966) dan Laporan Plowden (1967) mendapati bahawa faktor latar belakang keluarga adalah lebih berkesan daripada kesan persekolahan. Dapatan ini telah menimbulkan berbagai reaksi di kalangan ahli sains sosial. Jencks et al (1972) telah menganalisis semula bukti-bukti statistik Laporan Coleman (1966) dan turut memberikan kesimpulan yang sama. Masyarakat mula mempertingkatkan faedah persekolahan, malah Illich (1969) telah mencadangkan sebuah masyarakat tanpa sekolah melalui bukunya "Deschooling Society". Terdapat juga kritikan terhadap dapatan Plowden (1967) dan Coleman (1966) iaitu sorotan kesan sekolah berdasarkan proses-proses sekolah tidak diukur dengan secukupnya. Ini menyebabkan amaun varian yang dijelaskan oleh pembolehubah latar belakang keluarga lebih ketara jika dibandingkan dengan amaun varian yang dijelaskan oleh pembolehubah proses pendidikan. Justeru itu Brookover et. al (1978) telah menggunakan kajian persepsi murid, guru dan pengetua terhadap iklim sekolah sebagai kajian kesan sekolah berasaskan proses pendidikan. Kritikan terhadap keberkesanan sekolah telah menarik minat para penyelidik bukan setakat mengkaji ciri-ciri dan faktor-faktor sekolah berkesan malah terdapat penyelidik yang berminat untuk mencipta sekolah berkesan.

Edmonds et.al (1979) telah mempelopori kajian penambahbaikan sekolah yang pertama dan menyenaraikan 5 ciri sekolah berkesan. Kajian-kajian lain telah

menyenaraikan lebih banyak ciri-ciri sekolah berkesan (seperti Purkey dan Smith , 1983 ; Levine dan Lezotte ,1990 ; Scheerens ,1992 ; Sammons, Hillman dan Mortimore, 1995). Sorotan kajian yang terbaru dalam kajian keberkesanan sekolah dibuat oleh Teddlie dan Reynolds (2000) yang menyenaraikan 9 ciri keberkesanan sekolah . Ciri-ciri proses yang diutarakan adalah kepimpinan berkesan , pengajaran berkesan , fokus terhadap pembelajaran , budaya sekolah positif , jangkaan tinggi , tanggungjawab dan hak pelajar , pemantauan kemajuan , perkembangan staf dan penglibatan ibu bapa .

Dalam konteks Malaysia pula , penyelidikan awal terhadap keberkesanan sekolah bermula dengan tesis kedoktoran ( Rahimah , 1981) dalam Rahimah,Zulkifli dan Shahril (1998) yang menilai hubungan gaya kepimpinan dengan iklim sekolah di sekolah rendah . Abdul Karim Mohd. Nor (1989) pula mengkaji ciri-ciri sekolah berkesan di sekolah menengah luar bandar . Rahimah & Zulkifli (1996) telah membentuk profil bagi sekolah menengah berkesan dan tidak berkesan . Kementerian Pendidikan juga turut membuat kajian terhadap iklim sekolah menengah berkesan dan tidak berkesan (Kementerian Pendidikan ,1989) . Manakala Shahril Marzuki (1997) dalam Rahimah et al.(1998), telah mengguna kajian Edmonds (1979) dalam menentukan faktor-faktor yang menentukan keberkesanan sekolah di Malaysia .

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Kepentingan sekolah dapat dibayangkan dari kenyataan Coleman(1965) dalam Fagerlind & Saha (1983) bahawa “ as is the state , so is the school ” dan “ what you want in the state , you must put into the school ”(p6) . Individu yang dilahirkan dari sistem persekolahan negara perlu selaras dengan tujuan pembangunan manusia

( Laporan Kabinet , 1979) . Namun kesan sistem kurikulum dan segala kegiatan persekolahan akan terjamin sekiranya jentera pelaksanaan sistem itu kuat dan kaedah perlaksanaannya kemas ( Laporan Kabinet ,1979) . Walaupun penyelidikan sekolah berkesan telah berjalan hampir 30 tahun namun para penyelidik masih lagi belum mendapat kata sepakat mengenai petunjuk piawai sekolah berkesan .

Menurut Abdul Shukor Abdullah (1995) ,

“ bila ditanya apakah yang dimaksudkan dengan sekolah berkesan , kita tidak dapat memberi jawapan dan gambaran yang pasti , cuma menggariskan ciri-cirinya sahaja ”.

Setakat ini terdapat satu kajian keberkesanan sekolah yang dijalankan oleh BPPP , Kementerian Pendidikan Kajian ini membahagikan sekolah kepada 3 kategori iaitu sekolah berkesan , sederhana dan tidak berkesan berdasarkan kepada persepsi Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) . Apakah persepsi PPD sudah mencukupi untuk mengkategorikan sesebuah sekolah itu sebagai sekolah berkesan atau sebaliknya ? . Justeru itu , penyelidikan terhadap keberkesanan sekolah untuk melahirkan pengurusan sekolah berkesan perlu diteruskan .

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Kajian keberkesanan sekolah di negara maju dalam dua dekad yang lalu menunjukkan bahawa walaupun kebolehan pelajar dan latar belakang keluarga menjadi penentu utama kepada pencapaian pelajar , namun sekolah-sekolah di dalam persekitaran sosial yang sama boleh mempunyai kemajuan pendidikan yang berbeza . (Reynolds, 1976 , 1982 ; Gray, 1981 ; Madaus et al, 1979b , Rutter et al, 1979 ; Thomas, Sammons dan Mortimore ,1994 ) . Perbezaan pencapaian pelajar di antara

sekolah-sekolah yang terletak di dalam persekitaran yang sama memberi implikasi bahawa sekolah memberi kesan kepada pencapaian pelajar .

Pada masa kini , masyarakat telah memasuki era yang dicirikan oleh penggunaan petunjuk pencapaian (Teddlie dan Reynolds , 2000) dalam menilai keberkesanan sesebuah sekolah . Penilaian keberkesanan sekolah pada masa kini lebih tertumpu kepada hasil pendidikan yang dikeluarkan oleh sekolah . Kenyataan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan semasa mengumumkan keputusan peperiksaan UPSR tahun 2000 dalam Noor Azmah Ibrahim (2000) iaitu :

“Terdapat 30 buah sekolah cemerlang di seluruh negara yang mana murid yang mendapat 5A melebihi 30% serta mencapai tahap penguasaan melebihi 85% ”.

menunjukkan bahawa petunjuk prestasi pencapaian telah digunakan untuk membandingkan pencapaian sekolah .

Dari pemerhatian yang dibuat terhadap pencapaian sekolah dalam peperiksaan awam (misalnya UPSR 2000) yang diperolehi dari Pejabat Pendidikan Daerah , terdapat sekolah yang berprestasi tinggi (SPT) , sekolah yang berprestasi sederhana (SPS) dan sekolah yang berprestasi rendah (SPR) . Malah terdapat perbezaan pencapaian yang besar di antara sekolah A (SPT) dan sekolah B (SPR) tersebut walaupun lokasi , jenis sekolah dan tradisi sekolah adalah sama . Perbezaan besar dalam pencapaian UPSR telah menimbulkan minat penyelidik untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang masalah tersebut . Tambahan pula , sekolah rendah tidak terlibat dengan proses kemasukan ke sekolah secara input terkawal .

Untuk menangani masalah ini , kajian perbandingan tentang perlakuan dan amalan berasaskan kepada ciri-ciri sekolah berkesan di antara sekolah rendah kebangsaan berprestasi tinggi , sekolah berprestasi sederhana dan sekolah rendah



kebangsaan berprestasi rendah akan dilakukan . Kajian ini dibuat berdasarkan kepada ciri-ciri keberkesanan sekolah yang disenaraikan oleh Teddlie dan Reynolds (2000) .

Sammon dalam Mortimore (1995) telah mengingatkan bahawa perbandingan keberkesanan sekolah perlu berdasarkan ' like is compared with like ' untuk mendapatkan hasil kajian yang signifikan . Oleh itu , tujuh buah sekolah rendah mewakili tiga kumpulan prestasi yang berbeza telah dipilih sebagai sampel kajian ini. Sekolah rendah kebangsaan yang terpilih mempunyai tradisi yang sama yang berasal daripada sekolah mubaligh dan terletak di bandar Taiping .

#### 1.4 Persoalan Kajian

Soalan kajian yang ingin dikaji ialah adakah terdapat perbezaan ciri sekolah berkesan berasaskan kepada persepsi guru ?

Untuk menjawab persoalan tersebut , pengkaji ingin mengetahui :

- a) Sejauh manakah ciri-ciri keberkesanan sekolah diamalkan dalam menguruskan sekolah ?
- b) Adakah wujud perbezaan amalan ciri-ciri keberkesanan sekolah yang signifikan di antara sekolah-sekolah yang mempunyai prestasi berbeza ?
- c) Apakah faktor yang menyumbang kepada prestasi sekolah ?

#### 1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian ini adalah seperti berikut :

**H<sub>1</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** pelajar daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Menurut Atwater (1979) dalam Kamaruddin Husin (1996) , konsep sendiri merupakan cara keseluruhan seseorang individu itu melihat dirinya . Manakala Rogers (1957) pula dalam Kamaruddin Husin (1996) melihat konsep sendiri terbentuk melalui pengalaman . Ini bermakna pelajar akan mempelajari nilai sendiri sama ada positif atau negatif berdasarkan kepada pengalaman yang dilalui di sekolah . Penekanan kepada penyediaan aktiviti-aktiviti di sekolah yang memberikan pengalaman yang mempunyai nilai sendiri positif , akan melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan semangat yang tinggi untuk belajar . Justeru itu , perlakuan pemupukan konsep sendiri akademik dipercayai akan meningkatkan keberkesanan sesebuah sekolah .

**H<sub>2</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pengajaran Berkesan** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Guru adalah orang yang paling hampir dengan pelajar yang mempunyai hubungan secara terus melalui proses pengajaran . Menurut kajian Rutter et al. (1979) , didapati pengurusan masa dan pengurusan bilik darjah adalah sangat penting dalam menghasilkan pengajaran berkesan . Brophy dan Good (1986) menyatakan dalam sorotan kajian mereka bahawa pembelajaran berkesan di dalam kelas turut melibatkan penggunaan amalan perlakuan pengajaran berkesan oleh guru . Oleh itu , guru-guru sekolah berkesan dipercayai sentiasa mempraktikkan perlakuan pengajaran berkesan .

**H<sub>3</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Jangkaan tinggi terhadap pelajar dan staf adalah merupakan dapatan kajian yang paling tekal daripada sorotan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik . Dimensi ini digunakan oleh Weber (1971) dalam kajian awal keberkesanan sekolah dan disokong oleh ramai penyelidik Amerika Syarikat ( seperti Edmonds,1971 ; Brookover et al. , 1979 ; Teddlie dan Stringfield , 1993) . Penyelidik dari United Kingdom ( seperti Rutter et al.,1979 ; Mortimore et al.,1988 ) dan Belanda ( seperti Schreens , 1992 ; Creemers , 1992) turut menyokong bahawa jangkaan tinggi terhadap semua adalah merupakan salah satu ciri sekolah berkesan . Guru besar yang menzahirkan jangkaan yang tinggi kepada pelajar dan guru akan menghasilkan kesan positif kepada keberkesanan sekolah ( Teddlie dan Reynolds, 2000) . Oleh itu , dipercayai bahawa pemimpin dan guru-guru sekolah berkesan mengamalkan perlakuan menzahirkan jangkaan yang tinggi kepada pelajar mereka .

**H<sub>4</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemantauan Kemajuan** daripada sekolah kurang berkesan.

Rasional :

Pemantauan kemajuan pelajar adalah merupakan salah satu faktor sekolah berkesan dalam model lima faktor yang dikemukakan oleh Edmonds (1979) . Pemantauan kemajuan pelajar akan membantu guru dan pengurusan sekolah untuk menilai kemajuan sekolah mereka ke arah matlamat yang telah ditetapkan . Di samping

itu , pemantauan kemajuan dapat mengenalpasti pelajar-pelajar yang lemah yang memerlukan kelas tambahan . Maklum balas yang diperolehi daripada perlakuan ini dapat membantu pengurusan sekolah untuk mengatur strategi supaya keberkesanan sekolah dapat dikekalkan atau ditingkatkan . Oleh itu , dipercayai bahawa pemantauan kemajuan adalah ciri penting kepada sekolah berkesan .

**H<sub>5</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Rasional yang digunakan untuk menyokong hipotesis ini adalah berdasarkan kepada hujah yang dikemukakan oleh Rutter (1980) . Beliau menyatakan bahawa memberi peluang yang mencukupi kepada pelajar untuk mengambil tanggung jawab dan melibatkan diri dalam perjalanan kehidupan sekolah mereka , kelihatan lebih cenderung memberikan hasil yang lebih menguntungkan . Justeru itu , dipercayai bahawa sekolah berkesan memberi banyak peluang kepada pelajar untuk melaksanakan tanggung jawab di sekolah .

**H<sub>6</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Kepimpinan Berkesan** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Daripada kajian-kajian yang dilakukan terhadap sekolah berkesan , didapati bahawa tiada terdapat bukti yang menunjukkan sekolah berkesan mempunyai

kepimpinan yang lemah . Oleh itu Gray (1990) menyatakan bahawa ' the importance of the leadership is one of the clearest of messages from school effectiveness research ' . Manakala Purkey dan Smith (1993) dalam sorotan kajian mereka telah membuat kesimpulan bahawa kepimpinan adalah penting untuk memulakan dan mengekalkan penambahbaikan sekolah . Justeru itu , sekolah berkesan dipercayai perlu mempunyai kepimpinan yang berkesan .

**H<sub>7</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Kajian yang dijalankan oleh Armor et al.(1976) menunjukkan bahawa kehadiran ibu bapa di sekolah dan penglibatan mereka dalam komiti , peristiwa dan aktiviti-aktiviti sekolah telah memberikan kesan yang positif kepada pencapaian pelajar . Manakala Purkey dan Smith (1983) dalam sorotan kajian mereka , telah menyenaraikan penglibatan ibu bapa sebagai pembolehubah organisasi / struktur yang penting . Kajian Shahril (1997) dalam Rahimah et al.(1998) terhadap keberkesanan sekolah di Malaysia berasaskan kepada 5 faktor Edmonds , telah mengenalpasti satu faktor baru yang turut menentukan keberkesanan sekolah iaitu faktor kekuatan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG) . Justeru itu , sekolah berkesan dipercayai mempunyai penglibatan ibu bapa yang aktif dalam usaha untuk meningkatkan pencapaian pelajar .

**H<sub>8</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Budaya Sekolah Positif** daripada sekolah kurang berkesan .

Rasional :

Peraturan yang jelas memainkan peranan yang penting dalam pembentukan iklim sekolah yang positif. Hujah ini disokong oleh Edmonds (1979) yang menyatakan bahawa mengadakan peraturan sekolah adalah faktor yang sangat penting. Tanpa peraturan, guru-guru akan menghadapi masalah untuk mengawal disiplin, mendapatkan perhatian dan penglibatan pelajar di dalam kelas. Manakala Teddlie dan Reynolds (2000) pula menyatakan bahawa berkongsi amalan yang baik, mengkritik rakan, melibatkan diri dalam 'mutual education' dan pendidikan semula adalah penting untuk membina dan mengekalkan budaya sekolah yang positif. Oleh itu, adalah dipercayai bahawa sekolah berkesan mempraktikkan perlakuan budaya sekolah positif dalam pengurusannya.

**H<sub>9</sub> :** Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran **Pembangunan Staf** daripada sekolah kurang berkesan.

Rasional :

Aktiviti pembangunan staf yang selaras dengan keutamaan perkembangan sekolah dan penjanaan budaya positif staf adalah penting untuk sekolah berkesan (Teddlie dan Reynolds, 2000). Manakala cara terbaik untuk membantu staf mempelajari kemahiran baru dan berfungsi dengan lebih produktif adalah mengikuti program perkembangan staf melalui latihan dalam perkhidmatan (Snyder, 1983). Oleh kerana arus pembangunan masa kini mendesak peningkatan kualiti dalam semua bidang perkhidmatan termasuk bidang pendidikan, maka dipercayai bahawa

pembangunan staf yang dapat menjadikan seseorang guru itu lebih berkemahiran dan lebih berkesan diamalkan dengan lebih baik di sekolah berkesan .

## **1.6 Tujuan Kajian**

Kajian ini secara am bertujuan untuk membandingkan ciri-ciri keberkesanan sekolah yang dipraktikkan di sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan .

Secara khusus pula kajian ini ingin :

- a) mengkaji sejauh mana perlakuan berasaskan kepada ciri-ciri keberkesanan sekolah diamalkan di sekolah rendah berkesan dan sekolah rendah kurang berkesan .
- b) mengkaji perlakuan pengurusan di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan yang mempunyai tradisi yang sama .
- c) cuba untuk mengenalpasti faktor yang menyumbang kepada perbezaan pencapaian di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan , jika terdapat perbezaan perlakuan .

## **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini cuba meninjau sejauh mana ciri-ciri keberkesanan sekolah diamalkan di sekolah mengikut persepsi guru , mengenalpasti faktor-faktor yang boleh dimanipulasi dan mempengaruhi pembelajaran dan membantu sekolah menyusun strategi ke arah pencapaian yang lebih baik . Keperluan untuk meningkatkan mutu pendidikan ditegaskan dalam Laporan Kabinet (1979) yang menyatakan bahawa usaha memperbaiki dan memperkemaskan (pengurusan pelajaran dan kemudahan) , bukan

sahaja dalam usaha mengekal serta menjamin mutu pendidikan yang terdapat pada hari ini bahkan meningkatnya lagi .

Kedua , dapatan kajian ini dapat digunakan oleh pihak penguatkuasaan rancangan pendidikan untuk mengenalpasti kelemahan bahagian tertentu yang perlu diberi lebih perhatian , membuat pemantauan dan pemajuan sekolah supaya keberkesanan sekolah di seluruh negara dapat dipertingkatkan .

Ketiga , dapatan kajian juga diharapkan dapat menjana lebih banyak penyelidikan baru terhadap keberkesanan sekolah di Malaysia .

#### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini hanya melibatkan tujuh buah sekolah rendah iaitu sekolah rendah kebangsaan yang terletak di Taiping dalam Daerah Larut Matang dan Selama . Responden yang dipilih untuk kajian terdiri daripada semua guru dari kedua-dua sekolah tersebut. Guru dipilih sebagai responden kerana guru merupakan sumber maklumat dalaman . Kajian ini dilakukan berdasarkan kepada penggunaan soal selidik ciri-ciri sekolah berkesan daripada persepsi guru .



## **Bab 2**

### **Sorotan Kajian Berkaitan**

#### **2.1 Pengenalan**

Premis kajian ini diasaskan kepada prinsip pertama yang dinyatakan oleh Hussein (1993) iaitu 'mempercayai dan mengakui bahawa semua pelajar boleh belajar, diajar dan boleh mencapai kemajuan'. Walaupun setiap orang pelajar berbeza daripada segi fizikal, mental, emosi, kemahiran dan latar belakang, mereka masih boleh belajar mengikut keupayaan masing-masing. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab sekolah untuk merangka strategi bagi mengajar semua pelajar supaya menguasai kemahiran asas (Hare, 1988) dalam Abdul Karim (1989).

#### **2.2 Definisi sekolah berkesan**

Perkembangan pergerakan sekolah berkesan telah memperlihatkan terdapat beberapa orang penyelidik yang cuba untuk memberi pengertian tentang sekolah berkesan. Felsental (1982) dalam Abdul Karim Mohd. Nor (1989) mendefinisikan sekolah berkesan sebagai :

“one where the majority of students scored at or above the national average on standardized achievement tests”.

Definisi sekolah berkesan turut berkembang apabila skopnya diperluaskan. Lipsitz dalam Abdul Karim Mohd. Nor (1989) mendefinisi keberkesanan sekolah sebagai :

“safe, orderly schools where poor children as well as middle class children perform reasonably well academically, as indicated by standardized measures of academic achievement”.

Mortimore (1991) pula menyatakan sekolah berkesan sebagai :

“ an effective school is one in which students progress further than might be expected from consideration of its intake .An effective school thus adds extra value to its student’s outcomes in comparison with other schools serving similar intakes ” .

Walaupun ramai penyelidik cuba memberi pengertian dan definisi sekolah , namun Ramaiah ( 1995 ) mendapati bahawa masih tidak ada satu definisi keberkesanan sekolah yang boleh dipersetujui sebagai piawai pengertian keberkesanan sekolah .

### **2.3 Kajian sekolah berkesan terdahulu**

Kesimpulan Laporan Coleman (1966) yang menyatakan bahawa :

“ Schools bring little influences to bear on a child’s achievement that is independent of his background and general context ”

telah menjadi pencetus kepada kajian keberkesanan sekolah . Data kajian Coleman et al. (1966) yang dianalisis semula oleh Jencks et al. (1972) turut menunjukkan kesimpulan yang sama dengan menyatakan :

“ Children seem to be more influenced by what happens at home than what happens in schools ” .

Kajian Averch et al.(1971) terhadap penyelidikan awal keberkesanan sekolah mendapati bahawa amalan pendidikan yang dikaji menunjukkan hanya terdapat perkaitan yang lemah dengan pencapaian pelajar .

### **2.4 Perkembangan penyelidikan keberkesanan sekolah**

Menurut Teddlie dan Reynolds (2000) bahawa perkembangan penyelidikan keberkesanan sekolah sejak 30 tahun yang lalu dapat dibahagikan kepada empat peringkat seperti berikut:

#### 2.4.1 Peringkat paradigma Input-output

Peringkat ini bermula pada pertengahan tahun 60an hingga ke awal tahun 70an. Kajian yang dijalankan di peringkat ini ditumpukan kepada input dan latar belakang keluarga pelajar untuk meramal output sekolah. Kajian-kajian yang termasuk ke dalam peringkat ini ialah kajian Coleman et al.(1966) dan kajian Jencks et al. (1972). Coleman (1966) telah membuat kesimpulan bahawa :

“ schools bring little influence to bear on child's achievement that is independent of his background and general social context”(p.235).

Kajian lain di peringkat ini ialah kajian yang menggunakan kerangka sosiologi yang dikenali sebagai ' status attainment literature ' yang dijalankan oleh Hauser ( 1971) . Kajian ini mendapati bahawa varian antara sekolah yang disebabkan oleh faktor SES adalah antara 15-30 peratus . Manakala sorotan kajian yang dibuat oleh Averch et.al (1971) terhadap kajian awal mendapati bahawa pembolehubah-pembolehubah latar belakang SES pelajar adalah faktor yang mempunyai kaitan yang tekal dengan pencapaian pelajar.

#### 2.4.2 Peringkat pengenalan pembolehubah proses

Di peringkat ini , penyelidik cuba untuk mempertingkatkan keputusan Coleman ( 1966) dan Jencks et al.(1972) dengan cuba menerangkan proses yang berlaku di dalam sekolah di samping memperluaskan definisi output sekolah dengan mengambil kira produk lain seperti sikap dan tingkahlaku . Kajian awal yang menekankan proses sebenar yang berlaku di sekolah dijalankan oleh Weber (1971) . Beliau telah mengkaji empat buah sekolah di dalam bandar yang mempunyai SES

rendah dalam aspek kepimpinan yang tegas, jangkaan yang tinggi, persekitaran yang baik dan penilaian perkembangan pelajar.

Di samping itu, metodologi kajian turut sama dimajukan. Kemajuan metodologi kajian adalah penggunaan input bilik darjah yang lebih sensitif seperti guru dan rakan sebaya. Murnane (1975) telah menunjukkan bahawa ciri-ciri guru kelas mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar mereka. Manakala pada ketika itu di Amerika Syarikat, terdapat kajian yang menunjukkan kepentingan rakan sebaya atas pencapaian. Justeru itu, Murnane (1981) membuat kesimpulan tentang kesan sumber manusia terhadap pencapaian pelajar dengan mengatakan bahawa :

“ the primary resources that are consistently related to student achievement are teachers and other students. Other resources affect student achievement primarily through their impact on the attitudes and behaviours of teachers and students ”(p.33).

Brookover et al. (1978, 1979) cuba menyokong Coleman (1966) dengan mengadakan suatu tinjauan berasaskan kepada persepsi murid, persepsi guru dan persepsi pengetua terhadap iklim sekolah di 68 buah sekolah di Michigan. Kajian mereka berkaitan dengan hubungan di antara pembolehubah-pembolehubah di peringkat sekolah. Pembolehubah yang dikaji ialah iklim persekolahan, pengukuran SES pelajar, komposisi kaum dan pencapaian sekolah. Hasil kajian ini, Brookover dan rakan-rakannya telah menghasilkan 14 skala iklim psikologi sosial.

Terdapat juga kajian yang mengaitkan hasil pendidikan (outcome) dengan kursus atau kurikulum yang diajar di sekolah. Brimer et al. (1978) dan Madaus et al. (1979) telah menunjukkan bahawa pemilihan jenis ujian memberikan kesan yang ketara terhadap keputusan sejauh mana ciri-ciri sekolah mempengaruhi pencapaian

pelajar. Madaus et al. (1979) mendapati faktor bilik darjah menjelaskan varian yang lebih besar dalam ujian khas kurikulum ( seperti sejarah ) jika dibandingkan dengan varian pada ujian piawai .

#### 2.4.3 Peringkat kemunculan penambahbaikan sekolah

Penyelidik yang mempelopori peringkat ini ialah Ron Edmonds (1978) dan diikuti oleh Lazotte dan Bancroft (1985) dalam usaha untuk mencipta sekolah berkesan untuk masyarakat bandar yang miskin . Edmonds (1979) telah menggunakan model lima faktor yang diasaskan kepada penyelidikan keberkesanan sekolah . Lima faktor yang dipilih adalah kepimpinan pengajaran yang tegas , fokus pengajaran yang luas , iklim atau persekitaran sekolah yang selamat dan teratur , jangkaan pencapaian tinggi terhadap semua pelajar dan penggunaan data ujian pencapaian untuk menilai program dan kejayaan sekolah .

Pendekatan ini menekankan kepada orientasi keadilan dalam penambahbaikan sekolah iaitu bagaimana kita boleh menghasilkan sekolah yang lebih baik untuk golongan yang kurang bernasib baik . Penyelidikan penambahbaikan sekolah dikritik oleh komuniti penyelidik pendidikan kerana menggunakan persampelan yang bias ( seperti Good dan Brophy , 1986). Sampel yang digunakan merupakan sekolah-sekolah dari kawasan yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah sahaja . Ekoran daripada kritikan tersebut , penyelidikan keberkesanan sekolah di Amerika Syarikat menjadi berkurangan selepas pertengahan tahun 80an .Walau bagaimanapun, penyelidikan keberkesanan sekolah terus berkembang di negara di luar Amerika Syarikat seperti United Kingdom , Belanda dan Australia ( seperti Mortimore et al.,1988 ; Smith dan Tomlinson, 1989 ; Creemers ,1994 ; McGaw et al.,1992)

#### 2.4.4 Peringkat pengenalan kepada faktor kontek

Kajian keberkesanan sekolah berasaskan kontek yang awal ( Halinger dan Murphy , 1986 ) untuk menerokai faktor-faktor yang mempunyai keberkesanan yang lebih besar di sekolah kelas pertengahan , sekolah luar bandar dan sekolah menengah . Teddlie dan Reynolds (2000) mendapati bahawa pembolehubah kontek yang terdapat di dalam kajian sekolah berkesan boleh diringkaskan ke dalam empat bidang iaitu :

- i) status sosioekonomi
- ii) jenis komuniti sekolah
- iii) peringkat persekolahan
- iv) struktur pentadbiran .

Kesemua bidang kontek yang tersebut merupakan faktor-faktor di luar sekolah . Implikasi kepada perkembangan kajian berasaskan kontek menunjukkan bahawa keputusan yang dibuat oleh Coleman et al. (1966) dan disokong oleh Jencks et al (1972) telah mulai diterima umum.

#### 2.5 Dapatan kajian keberkesanan sekolah

Kajian Weber ( 1971) adalah penting kerana ia mempengaruhi banyak penyelidikan keberkesanan sekolah seterusnya . Beliau telah mengenalpasti 4 faktor yang sama yang terdapat di sekolah berkesan di dalam bandar iaitu :

- i . kepimpinan yang kuat
- ii. jangkauan yang tinggi terhadap semua pelajar
- iii. suasana yang ceria , senyap dan terkawal
- iv. penekanan terhadap penguasaan kemahiran membaca yang diikuti penilaian yang kerap dan berhati-hati .

Kajian Edmonds (1979) dalam usaha untuk mencipta "effective schools for urban poor" telah memperkenalkan lima faktor yang membezakan sekolah berkesan dengan sekolah tidak berkesan iaitu :

- i. pengetua menyediakan kepimpinan pengajaran yang tegas
- ii. fokus kepada pengajaran yang luas
- iii. jangkaan pencapaian yang tinggi terhadap semua pelajar
- iv. penggunaan sistem penilaian terhadap program pengajaran
- v. iklim sekolah selamat dan teratur

Kajian Brookover et al (1979) terhadap sekolah rendah di Michigan telah menemui dimensi baru di dalam kajian keberkesanan sekolah dengan menyimpulkan bahawa :

"Perhaps the most significant finding of this research is that the combination of the three sets of social system variables - social composition and other personal inputs, social structure of the school and the school social climate-explain most of the variance between schools in all three of the dependent variables".

Seterusnya, kajian Purkey dan Smith (1983) terhadap sekolah berkesan telah mengenali 13 ciri. Sembilan ciri tersebut berkaitan dengan struktur organisasi manakala 4 ciri lagi berkaitan dengan iklim sekolah. Dalam sorotan kajian yang dilakukan oleh Cotton (1995), beliau telah mengenalpasti 18 ciri keberkesanan sekolah. Ciri-ciri tersebut dibahagikan kepada tiga kategori berdasarkan kepada bilik darjah, sekolah dan daerah.

Sorotan kajian yang dilakukan oleh Levine dan Lezotte (1990) telah mengemukakan ciri-ciri berikut untuk proses keberkesanan sekolah :

1. Kepimpinan cemerlang
2. Penyusunan dan implimentasi pengajaran berkesan

3. Penumpuan terhadap penguasaan kemahiran asas
4. Budaya dan iklim sekolah yang produktif
5. Jangkaan pengoperasian dan kehendak yang tinggi terhadap pelajar
6. Pemantauan kemajuan pelajar yang sesuai
7. Perkembangan staf di tapak sekolah berorientasikan amalan
8. Penglibatan ibu bapa yang ketara
9. Kesedaran pelajar tentang 'efficacy/ futility'
10. Pengajaran berbilang budaya dan kesensitifan
11. Perkembangan peribadi pelajar
12. 'Rigorous and Equitable students'
13. Dasar kenaikan pangkat dan amalan

Dalam sorotan kajian yang dijalankan oleh Sammons , Hillman dan Mortimore (1995), 11 ciri-ciri proses keberkesanan sekolah telah dikenalpasti iaitu :

1. Kepimpinan profesional
2. Pengajaran bertujuan
3. Pemusatan terhadap pengajaran dan pembelajaran
4. Persekitaran pembelajaran
5. Visi dan Matlamat bersama
6. Pengukuhan positif
7. Jangkaan tinggi
8. Hak Pelajar dan jangkaan
9. Pemantauan kemajuan
10. Pengurusan pembelajaran ( Pembangunan staf berasaskan sekolah)



## 11. Perkongsian rumah-sekolah

Penelitian dibuat semula terhadap kajian Levine dan Lezotte (1990) dan kajian Sammons , Hillman dan Mortimore (1995) oleh Teddlie dan Reynolds (2000) . Hasil daripada kajian tersebut , mereka telah mengemukakan 9 proses sekolah berkesan iaitu:

1. Proses kepimpinan berkesan
2. Proses pengajaran berkesan
3. Memaju dan mengekalkan fokus terhadap pembelajaran
4. Menghasilkan budaya sekolah yang positif
5. Menjana jangkaan tinggi untuk semua
6. Menekankan tanggungjawab dan hak pelajar
7. Memantau kemajuan di semua peringkat
8. Membentuk kemahiran staf di tapak sekolah
9. Melibatkan ibu bapa secara positif .

## 2.6 Ciri-ciri Keberkesanan sekolah

Jumlah ciri keberkesanan sekolah yang dipilih untuk dikaji dalam kajian ini adalah sembilan yang terdiri daripada lapan ciri yang dikemukakan oleh Teddlie dan Reynolds (2000) dan satu ciri yang dikemukakan oleh Teddlie dan Stringfield (1993) . Pemilihan lapan ciri yang dikemukakan oleh Teddlie dan Reynolds (2000) untuk kajian ini adalah kerana ciri-ciri tersebut mempunyai asas yang lebih kukuh kerana menggabungkan hasil kajian dari Amerika Syarikat dan Eropah.

Dapatan kajian Levine dan Lezotte (1990) hanya tertumpu kepada kebanyakan kajian-kajian yang dijalankan di Amerika Syarikat . Manakala Sammons , Hillman dan

Mortimore (1995) pula lebih banyak menumpukan kepada kebanyakan kajian yang dijalankan di UK di samping sedikit kajian-kajian di US dan Belanda . Tambahan pula , hanya 4% sahaja rujukan yang sama digunakan oleh kedua-dua kumpulan penyelidik itu ( Teddlie dan Reynolds ,2000) . Berikut adalah huraian dan hujah yang menjelaskan ciri-ciri keberkesanan sekolah .

### 2.6.1 Kepimpinan berkesan

Peranan guru besar sebagai pemimpin pengajaran selalu ditekankan di dalam sorotan kajian sekolah berkesan . Sebagai pemimpin di sekolah berkesan , guru besar adalah berperanan sebagai pemimpin pengajaran . Menurut De Bevoise (1984) dalam Abdul Karim Mohd.Nor (1989) , konsep kepimpinan pengajaran meliputi segala tindakan yang diambil oleh seseorang guru besar atau diagihkan kepada orang lain , untuk menggalakkan pertumbuhan pembelajaran pelajar . Oleh itu , tujuan utama kepimpinan pengajaran adalah untuk melakukan penambahbaikan kepada sekolah .

Guru besar adalah orang yang bertanggungjawab untuk menyediakan arah dan matlamat sekolah (Lipham,1981). Tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan berkesan jika guru besar mempunyai kepimpinan yang tegas dan bertujuan ( Rutter et al.,1979 ; Mortimore et al ,1988 ; Teddlie dan Stringfield,1993 ) dan mempunyai wawasan (Louis dan Miles,1992) . Kepimpinan yang kuat dan tegas ditekankan untuk mengurangkan tekanan dari luar dan mengelakkan berlakunya perubahan yang kerap kepada staf . (Hopkin et al,1994 ) .

Ciri kepimpinan berkesan lain yang berkaitan dengan proses adalah penggunaan pendekatan bermesyuarah . Pendekatan ini berkesan kerana ia turut melibatkan penolong kanan untuk membuat keputusan yang berkaitan dengan kehidupan harian

( Mortimore et al ,1988) dan berlaku perkongsian kepimpinan akademik dengan jabatan di sekolah (Teddlie dan Stringfield , 1993) . Malah pendekatan ini membolehkan guru diwakili dan pandangan guru diambil kira (Rutter et al,1979) .

Komponen ketiga kepimpinan berkesan adalah kekerapan pemantauan prestasi peribadi staf yang dikenali secara umum sebagai ' management by Wandering Around ' ( Peters dan Waterman,1982) . Menurut Deal dan Peterson (1990) bahawa sebenarnya cara ini membolehkan pengetua membentuk budaya sekolah .

Pemilihan dan penggantian staf juga merupakan faktor penting untuk menghasilkan sekolah berkesan ( Stringfield dan Teddlie ,1987) . Pemimpin sekolah perlu berusaha untuk mendapatkan staf yang baik dan memberi tekanan kepada staf yang berketrampilan rendah supaya meningkatkan ketrampilan atau berpindah ke sekolah lain .

#### 2.6.2 Pengajaran berkesan

Penjanaan persekitaran pembelajaran bilik darjah berkesan merupakan suatu ciri sekolah berkesan kerana aras pembelajaran adalah lebih penting dalam menentukan kualiti hasil persekolahan daripada aras sekolah itu sendiri ( Creemers ,1994) . Oleh itu faktor yang lebih hampir dengan pelajar seperti guru adalah yang lebih penting jika dibandingkan dengan sekolah atau daerah ( Stringfield,1994) . Komponen yang sangat penting dalam pengajaran guru yang menentukan keberkesanan sekolah adalah pengurusan masa .Sehubungan dengan itu , kajian Rutter et al, ( 1979 ) mendapati bahawa pelajaran dimulakan dan diberhentikan pada masa yang tepat adalah penting kerana ini mengurangkan kehilangan masa dalam urusan pentadbiran, gangguan disiplin dan peralihan pelajaran di antara topik / matapelajaran dan aktiviti .(Brookover

et al.,1984 ; Mortimore et al., 1988 ) . Memaksimalkan nisbah penggunaan masa yang digunakan untuk berinteraksi di antara murid juga didapati penting ( Rutter et al., 1979)

Pengajaran berkesan dicirikan oleh pengurusan bilik darjah yang berkesan . Apa yang penting di sini ialah persediaan pelajaran yang lebih awal ( Rutter et al.,1979) di samping menerangkan tujuan pelajaran , kurikulum sebenar dan kandungan pelajaran dengan jelas . Penstrukturan pelajaran juga penting dengan memberi kefahaman tentang apa yang hendak diajar, membahagikan bahan kurikulum kepada unit untuk membantu pembelajaran dan digabungkan dengan penguasaan kemahiran asas (Scheerens,1992) .

Pembelajaran berkesan di aras bilik darjah melibatkan penggunaan amalan pengajaran berkesan . Menurut Teddlie dan Reynolds (2000) , tingkahlaku guru penting dalam kekerapan penyediaan dan kesesuaian soalan , fokus yang terhad dalam pelajaran, pengkalan orientasi tugas dalam kelas , perjalanan dan peraturan kelas difahami , iklim bilik darjah yang mesra dan menggalakkan serta langkah pengajaran yang cepat .

Amalan guru perlu disesuaikan dengan ciri-ciri pelajar yang khusus. Armor et al. (1976) menyatakan bahawa pengajaran akan berkesan jika guru dibenarkan menyesuaikan atau mengubahsuai program pembelajaran.

### **2.6.3 Pemupukan konsep sendiri akademik**

Konsep ini dipelopori oleh Rosenberg (1963 ) . Menurut Kamaruddin Husin (1996) , konsep sendiri terdiri daripada persepsi , kepercayaan , perasaan , sikap dan nilai yang berbeza-beza yang dipegang oleh individu tentang dirinya . Konsep sendiri

akademik adalah konsep sendiri yang khusus terhadap akademik . Skala ukuran konsep sendiri akademik telah dibina oleh Brookover et al. (1978) .

Menurut Teddlie dan Stringfield (1993), konsep sendiri akademik adalah pembolehubah peramal yang mempunyai kaitan dengan pencapaian pelajar. Di samping itu , terdapat penyelidik yang menyatakan konsep sendiri akademik sebagai pembolehubah kriteria yang dihasilkan daripada pengalaman persekolahan (Brookover et al.,1978 ; Mortimore et al., 1988).

#### **2.6.4 Budaya sekolah yang positif**

Kajian menunjukkan bahawa sekolah berkesan mempunyai visi atau misi yang dikongsi bersama oleh semua staf . Menurut Hopkins et al.(1994 ) , kesedaran tentang komuniti adalah berkait dengan kerjasama di antara rakan , hubungan yang baik di antara staf dan matlamat yang dipersetujui bersama . Ketekalan dalam amalan juga penting . Guru yang mengambil pendekatan tekal terhadap kurikulum sekolah dapat dikaitkan dengan impak positif atas kemajuan pelajar . Malah Rutter et al. (1979 ) menyatakan bahawa ketekalan didalam penggunaan peraturan dan hukuman disiplin wujud di sekolah yang lebih berkesan .

Kesejawatanan dan kerjasama antara staf adalah penting dan terdapat bukti yang menunjukkan penglibatan guru sekolah dalam proses membuat keputusan memberikan kesan yang positif ( Teddlie dan Reynolds , 2000 ) . Penjanaan komuniti pembelajaran di kalangan staf dan semua ahli berkongsi amalan yang baik , bertindak sebagai kawan pengkritik , terlibat dalam proses 'mutual education' dan pendidikan semula adalah penting dalam meneruskan atau membina budaya sekolah positif .

Peraturan di dalam sekolah juga penting dalam pembentukan iklim sekolah yang positif . Tumpuan terhadap pembentukan peraturan merupakan suatu faktor penting kerana tanpa peraturan , staf sukar mendapat perhatian dan penglibatan pelajar di dalam kelas (Edmonds, 1979) . Kajian Reynolds dan Sullivan ( 1979 ) mendapati denda yang keras dan kawalan terlalu ketat , menimbulkan ketegangan dan sikap negatif terhadap guru . Sebaliknya memberi hadiah terhadap tingkahlaku , pencapaian , usaha dan sifat yang baik sama ada melalui proses kerja biasa (seperti kelas ditamatkan lebih awal) atau memberikan sesuatu yang bermakna (seperti senyuman dan kata-kata pujian ) mengujudkan suasana yang lebih produktif ..

#### **2.6.5 Jangkaan tinggi terhadap pencapaian dan tingkahlaku**

Jangkaan tinggi terhadap pelajar merupakan dapatan kajian yang paling tekal dalam sorotan kajian dan mempunyai hubungan yang kuat dengan pembelajaran berkesan (Weber ,1971 ; Brookover et al.,1979 , Teddlie dan Stringfield , 1993) . Jangkaan tinggi perlu disampaikan kepada pelajar melalui tingkahlaku guru atau pengukuhan secara sebutan oleh guru . Menurut Mortimore (1994) , jangkaan yang tinggi dipadankan dengan peranan guru yang lebih aktif dalam membantu pelajar , manakala jangkaan rendah dipadankan dengan kesukaran untuk mengawal pelajar dan pengajaran yang pasif daripada guru .

#### **2.6.6 Penekanan kepada tanggungjawab dan hak pelajar**

Penglibatan pelajar dalam kelab , persatuan , sistem perwakilan atau kepimpinan terdapat di sekolah-sekolah berkesan (Rutter et al.,1979 ) . Penglibatan pelajar di dalam organisasi sekolah yang rasmi akan meningkatkan komitmen mereka

terhadap sekolah di samping menambah peluang mereka untuk menguasai nilai-nilai sekolah . Pemberian tanggungjawab atas kerja mereka dan membenarkan mereka mengawal situasi pembelajaran yang melibatkan mereka boleh dikaitkan dengan hasilan yang lebih baik ( Brookover et al.,1979) . Daripada kajian Mortimore et al. (1988) , didapati sekolah berkesan menggalakkan pelajar mereka bekerja tanpa guru dalam masa yang singkat .

### **2.6.7 Pemantauan kemajuan pada semua peringkat**

Pemantauan kemajuan pelajar adalah merupakan suatu faktor yang sering dijumpai didalam kajian sekolah berkesan . Faktor ini adalah salah satu faktor yang dikenalpasti oleh Edmonds et al. (1979 ) dalam kajian awal mereka . Kajian Mortimore et al.(1988) mendapati penyimpanan rekod pelajar merupakan ciri penting sekolah berkesan kerana ini dapat digunakan sebagai suatu bentuk pemantauan kekuatan dan kelemahan seseorang pelajar.

Manakala Murphy (1989) dalam sorotan kajiannya mendapati pemimpin berkesan mempraktikkan pelbagai prosedur pemantauan dan memaklumkan tafsiran yang diperolehi kepada guru . Kepentingan penilaian sebagai alat untuk memantau kemajuan dapat dilihat daripada hujah yang dikemukakan oleh Scheerens (1992) yang menyatakan bahawa penilaian yang betul adalah ' an essential prerequisite to effectiveness-enhancing measures all levels' .

### **2.6.8 Perkembangan Staf**

Banyak kajian yang dijalankan untuk cuba melihat impak perkembangan staf atas keberkesanan sekolah dan didapati bahawa perkembangan staf perlu berasaskan

sekolah . Kaedah yang selalu digunakan untuk pembangunan staf adalah melalui latihan dalam perkhidmatan . Menurut Mortimore et al.(1988 ) , kursus latihan dalam perkhidmatan hanya memberikan kesan yang positif atas hasil (outcome) sekiranya kehadiran mereka adalah untuk tujuan yang baik .

Austin dan Garber (1985) mendapati pendidikan di sekolah cemerlang menggunakan kaedah berasaskan kepada kumpulan . Pengetua dan guru-guru menentukan bidang yang mereka minati terlebih dahulu sebelum meminta bantuan . Apa yang dilakukan di sekolah tersebut adalah selaras dengan gesaan Stedman (1987) supaya latihan dalam perkhidmatan disesuaikan dengan keperluan staf dan menjadi ' an integral part of a collaborative educational environment ' .

Namun bukan semua kursus latihan dalam perkhidmatan memberikan kesan yang positif . Menurut Levine dan Lazotte (1990 ) bahawa terdapat kajian yang mendapati penyampaian kursus secara 'one-off' oleh perunding atau pakar luar yang digunakan sebagai 'hired-guns' akan memberi kesan yang sebaliknya . Secara umum , pembangunan staf di sekolah berkesan dirumuskan oleh Mortimore (1995) sebagai :

" ..... is generally at the school site , is focused on providing assistance to improve classroom teaching and the instructional programme, and is ongoing and incremental " .

#### **2.6.9 Penglibatan ibu bapa**

Banyak kajian yang menyokong kepercayaan bahawa penglibatan ibu bapa turut menghasilkan sekolah berkesan (seperti Armor et al.,1976 ; Levine dan Lezotte , 1990).Kajian yang dijalankan oleh Armor et al.(1976) mendapati bahawa kehadiran ibu bapa di sekolah , penglibatan ibu bapa dalam aktiviti dan komiti sekolah memberi kesan positif kepada pencapaian pelajar . Namun terdapat kajian yang gagal menemui



hubungan tersebut , malah terdapat sekolah berkesan yang penglibatan ibu bapanya adalah rendah (Brookover dan Lezotte, 1979 ; Teddlie dan Stringfield, 1993 ) . Menurut kajian Mortimore et al.(1988) , bantuan ibu bapa di bilik darjah , membantu sekolah mengadakan lawatan sekolah atau ibu bapa dibenarkan memasuki sekolah melalui polisi 'sekolah terbuka' , memberi faedah yang positif kepada sekolah . Tetapi dalam kajian yang sama , mereka dapati bahawa penglibatan ibu bapa secara formal melalui persatuan ibu bapa guru memberikan kesan yang negatif .

Oleh kerana dapatan kajian yang diperolehi para penyelidik berbeza , ini menunjukkan bahawa corak atau cara penglibatan ibu bapa turut memainkan peranan yang penting untuk membantu meningkatkan keberkesanan sekolah .

## 2.7 Rumusan

Dapatan dari kajian yang menunjukkan bilangan ciri keberkesanan sekolah berubah-ubah dari 5 ciri ( Edmonds , 1979 ) hingga kepada 29 ciri ( Austin , 1981 ) dalam Abdul Karim Mohd. Nor (1989) . Walau bagaimana pun banyak ciri telah dikemukakan untuk menentukan sekolah berkesan konsep sekolah berkesan dan ciri-cirinya masih belum diterima umum , malah terdapat banyak di antara ciri yang dikemukakan itu mempunyai persamaan . Kajian lalu yang dilakukan tertumpu kepada perbandingan di antara sekolah yang disifatkan sebagai 'outlier' dalam usaha mencari ciri-ciri sekolah berkesan . Justeru itu , kajian yang lebih menyeluruh diperlukan untuk melihat sejauh mana berkesan ciri-ciri yang dikemukakan itu menyumbang kepada prestasi sesebuah sekolah .

## Bab 3

### Metodologi Kajian

#### 3.1 Pengenalan

Bahagian ini membincangkan tentang aspek-aspek yang berkaitan dengan metodologi kajian secara terperinci merangkumi reka bentuk kajian , sampel kajian , kajian rintis , alat ukur kajian , kesahan dan kebolehpercayaan alat ukur serta penganalisan data yang diperolehi dari kajian .

#### 3.2 Rekabentuk kajian

Fokus kajian ini adalah bertujuan untuk meninjau persepsi guru sekolah rendah kebangsaan terhadap amalan dan tingkahlaku keberkesanan sekolah dalam mempengaruhi pencapaian akademik murid. Kaedah kuantitatif telah dipilih oleh penyelidik untuk menghurai dan mentafsirkan persepsi guru .

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah penggunaan soal selidik . Menurut Reid et al.(1986) , soal selidik menyediakan suatu cara yang paling cepat dan ringkas dalam memperolehi maklumat yang luas dan banyak. Tuckman ( 1972 ) pula menyatakan bahawa kaedah tinjauan melalui soal selidik merupakan cara yang berkesan bagi memperolehi maklumat daripada responden . Manakala Rubin dan Babbie ( 1993 ) pula berpendapat bahawa soalselidik adalah alat yang paling sesuai untuk menguji sikap dalam satu populasi yang besar . Justeru itu , kaedah pengumpulan data yang dipilih untuk kajian ini adalah menggunakan soal selidik .

Soal selidik yang digunakan dalam kajian ini terbahagi kepada dua jenis iaitu soal selidik untuk guru dan soal selidik untuk guru besar . Soal selidik untuk guru yang digunakan terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A digunakan untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden . Manakala bahagian B digunakan untuk meninjau sejauh manakah amalan dan perlakuan berasaskan ciri-ciri keberkesanan sekolah dijalankan di sekolah masing-masing .

### **3.3 Persampelan**

#### **3.3.1 Pemilihan responden**

Guru dipilih sebagai unit analisis dalam kajian ini . Ini adalah kerana guru merupakan orang yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti di sekolah .Oleh itu persepsi guru boleh dijadikan sebagai ukuran yang sah untuk menilai amalan dan tingkahlaku yang berlaku di dalam sesebuah sekolah .

Responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru dari tujuh buah sekolah rendah kebangsaan di Daerah Larut , Matang dan Selama , Perak .

#### **3.3.2 Pemilihan sampel**

Sekolah yang menjadi sasaran kajian ini adalah sekolah rendah kebangsaan yang berasal daripada sekolah mubaligh . Jumlah sekolah rendah kebangsaan yang terlibat sebanyak 7 buah sekolah yang terletak di dalam sebuah bandar di daerah Larut, Matang dan Selama , Perak . Pada asalnya , kesemua sekolah rendah kebangsaan hanya mendapat bantuan modal daripada pihak kerajaan . Sekolah-sekolah tersebut hanya diberikan bantuan geran per kapita dan diperuntukkan guru sahaja oleh Kementerian Pendidikan. Ini bermakna pihak sekolah perlu berusaha sendiri untuk

mendapatkan kemudahan dan peralatan sekolah . Walau bagaimana pun , pada masa kajian dilakukan didapati bahawa sekolah A , C , D , F dan G merupakan sekolah yang masih mendapat bantuan modal , manakala sekolah B dan E merupakan sekolah yang mendapat bantuan penuh daripada pihak kementerian Pendidikan . Sekolah B mendapat bantuan penuh mulai tahun 2001 .

Daripada tujuh buah sekolah yang telah dipilih sebagai sampel kajian , dua buah daripadanya merupakan sekolah berprestasi tinggi , manakala tiga buah sekolah adalah berprestasi sederhana dan dua lagi adalah sekolah berprestasi rendah . Jumlah responden yang terlibat dengan kajian ini adalah 210 orang . Jadual 3.1 ( Lampiran A1) menunjukkan pecahan bilangan responden bagi setiap kumpulan .

Kebanyakan kajian sekolah berkesan memberi tumpuan kepada hanya satu dimensi keberkesanan sekolah iaitu pencapaian akademik . Menurut Madaus et al., (1980 ) bahawa pencapaian akademik dalam peperiksaan awam yang diadakan di seluruh negara adalah lebih sensitif untuk mengesan pencapaian murid di sekolah tertentu jika dibandingkan dengan ujian plawai . Justeru itu dalam konteks Malaysia , keputusan UPSR sesuai digunakan untuk mengkaji keberkesanan sesebuah sekolah .

Menurut Fetler dan Carlson (1985) , sekolah dianggap ' exemplary ' jika dapat mengekalkan pencapaian murid cemerlang dalam tempoh tiga tahun . Atas alasan ini , pencapaian dalam UPSR dalam tempoh tiga tahun digunakan sebagai pemilihan sekolah untuk kumpulan SPT , SPS dan SPT . Ukuran prestasi yang dikira adalah berdasarkan kepada min pencapaian keputusan peperiksaan UPSR bagi tahun 1998, 1999 dan 2000. Jadual 3.2 ( Lampiran A1) menunjukkan Min peratus pencapaian UPSR bagi kumpulan sekolah tersebut .

Oleh kerana kajian ini adalah untuk meninjau amalan dan tingkahlaku yang dilakukan berasaskan kepada ciri-ciri keberkesanan sekolah maka didapati adalah wajar para responden kajian terdiri daripada semua guru termasuk penolong kanan dan penyelia petang di sekolah rendah kebangsaan yang terpilih . Sejalan dengan objektif kajian , hanya guru-guru yang terlatih yang menyandang jawatan penolong kanan dan guru biasa yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya setahun dengan sekolah yang dikaji , dipilih sebagai responden . Syarat ini bertujuan untuk membolehkan responden dapat memerhati dan memahami amalan dan tingkahlaku yang dijalankan di sekolah berkenaan .

### 3.3.3 Lokasi sekolah sampel

Sekolah A terletak di pusat bandar Taiping mempunyai semua murid perempuan . Sekolah A ditubuhkan pada tahun 1938 dan bersebelahan dengan sekolah menengah serta dikelilingi oleh pusat perniagaan . Sekolah A merupakan pecahan sekolah B apabila bilangan murid sekolah B pada ketika itu terlalu ramai .

Sekolah B dan E terletak di kawasan yang sama iaitu di pinggir bandar Taiping. Semua murid di sekolah B adalah murid perempuan manakala semua murid di sekolah E adalah murid lelaki. Sekitar Sekolah B dan E terdapat sebuah buah sekolah menengah jenis kebangsaan , sebuah sekolah rendah kebangsaan , sebuah sekolah kebangsaan dan sebuah pusat latihan swasta .Penempatan disekitar Sekolah B dan Sekolah E kebanyakan terdiri dari askar , kakitangan penjara dan polis . Sekolah B ditubuhkan pada tahun 1899 manakala Sekolah E ditubuhkan pada tahun 1974 setelah sekolah asalnya tidak dapat menampung bilangan murid yang semakin meningkat .

Sekolah C dan Sekolah D terletak di dalam bandar Taiping . Kedua-dua sekolah tersebut berasal daripada sebuah sekolah yang sama tetapi telah dipecahkan kepada dua buah sekolah apabila bilangan murid bertambah ramai . Jika Sekolah C mengikuti sesi pagi maka Sekolah D pula mengikuti sesi petang . Setiap tahun , Sekolah C dan Sekolah D bertukar ganti mengikuti sesi pagi . Kedua-dua buah sekolah menggunakan kemudahan dan bangunan yang sama untuk persekolahan tetapi mereka mempunyai pejabat pentadbiran yang berasingan . Kesemua murid di Sekolah C dan D adalah terdiri daripada murid lelaki . Sekolah asal bagi kedua-dua buah sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1954 .

Sekolah F terletak 3 km dari bandar dan di tepi jalan utama dari arah utara untuk memasuki bandar Taiping . Di sekitar Sekolah F terdapat kem askar , kampung baru , bandar baru dan yang paling hampir dengan kawasan perindustrian . Murid-murid sekolah F terdiri daripada murid lelaki dan perempuan . Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1935 .

Sekolah G terletak di pinggir bandar Taiping dan dikelilingi oleh perkampungan lama . Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1954 dan bersebelahan dengan sekolah rendah jenis kebangsaan .

### **3.4 Kajian Rintis**

Kajian rintis pertama bagi penyelidikan ini dijalankan kepada dua orang guru sekolah rendah untuk mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam soalselidik . Hasil kajian ini mendapati empat item soalselidik terpaksa dipinda kerana terdapat kekeliruan. Kajian rintis kedua dijalankan terhadap guru-guru di Sekolah Kebangsaan Long Jaafar. Dalam kajian rintis ini seramai 55 orang guru terlatih telah dipilih yang

Sekolah C dan Sekolah D terletak di dalam bandar Taiping . Kedua-dua sekolah tersebut berasal daripada sebuah sekolah yang sama tetapi telah dipecahkan kepada dua buah sekolah apabila bilangan murid bertambah ramai . Jika Sekolah C mengikuti sesi pagi maka Sekolah D pula mengikuti sesi petang . Setiap tahun , Sekolah C dan Sekolah D bertukar ganti mengikuti sesi pagi . Kedua-dua buah sekolah menggunakan kemudahan dan bangunan yang sama untuk persekolahan tetapi mereka mempunyai pejabat pentadbiran yang berasingan . Kesemua murid di Sekolah C dan D adalah terdiri daripada murid lelaki . Sekolah asal bagi kedua-dua buah sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1954 .

Sekolah F terletak 3 km dari bandar dan di tepi jalan utama dari arah utara untuk memasuki bandar Taiping . Di sekitar Sekolah F terdapat kem askar , kampung baru , bandar baru dan yang paling hampir dengan kawasan perindustrian . Murid-murid sekolah F terdiri daripada murid lelaki dan perempuan . Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1935 .

Sekolah G terletak di pinggir bandar Taiping dan dikelilingi oleh perkampungan lama . Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 1954 dan bersebelahan dengan sekolah rendah jenis kebangsaan .

### **3.4 Kajian Rintis**

Kajian rintis pertama bagi penyelidikan ini dijalankan kepada dua orang guru sekolah rendah untuk mengenalpasti kelemahan yang terdapat dalam soalselidik . Hasil kajian ini mendapati empat item soalselidik terpaksa dipinda kerana terdapat kekeliruan . Kajian rintis kedua dijalankan terhadap guru-guru di Sekolah Kebangsaan Long Jaafar . Dalam kajian rintis ini seramai 55 orang guru terlatih telah dipilih yang

terdiri daripada 3 orang Penolong Kanan , seorang Penyelia Petang dan 51 orang guru biasa untuk menjawab soal selidik . Daripada 55 set soalselidik yang diedarkan , hanya 52 set soalselidik yang dikembalikan . Walau bagaimana pun hanya 48 responden yang telah menjawab dengan lengkap manakala 4 orang responden hanya menjawab sebahagian sahaja . Hasil daripada penelitian kepada jawapan empat responden yang tidak lengkap , didapati terdapat tiga item lagi yang kurang tepat yang memerlukan penstrukturan semula .

### **3.5 Alat ukur kajian**

Kajian ini berasaskan kepada penggunaan soal selidik . Soal selidik ini dibina sendiri oleh penyelidik dan telah disemak oleh penyelia dan seorang pensyarah kanan. Dari segi penggunaan bahasa , soal selidik ini telah disemak oleh seorang guru kanan Bahasa Melayu di Maktab Rendah Sains MARA yang mempunyai pengalaman mengajar selama 16 tahun .

Jumlah soalan yang dikemukakan didalam bahagian ini terdiri daripada 48 soalan yang dibahagikan kepada 9 dimensi . Jadual 3.3 ( Lampiran A2) menunjukkan pembahagian item-item soal selidik ke dalam dimensi tersebut . Jawapan bagi soal selidik bahagian ini menggunakan skala empat Likert dan setiap pilihan jawapan disesuaikan dengan setiap item yang dikemukakan .

### **3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Ukur**

Oleh kerana alatukur untuk kajian ini dibina sendiri oleh penyelidik dengan bantuan penyelia , maka nilai kebolehpercayaan dan kesahan item-item alatukur perlu diperolehi daripada analisis dari kajian rintis dan kajian sebenar . Kebolehpercayaan



yang diperolehi daripada kajian rintis adalah 0.895 manakala kesahan item-item ialah 0.896 . Setelah penelitian dibuat terhadap respon yang diberikan oleh responden , tiga item daripada soal selidik tersebut didapati sukar untuk difahami oleh responden . Justeru itu , item-item tersebut telah diperbaiki atau ditukar .

Kebolehpercayaan alatukur yang diperolehi daripada analisis terhadap kajian sebenar ialah 0.918 manakala kesahan item-item pula ialah 0.920 .

### **3.7 Pentadbiran soalselidik**

Untuk melaksanakan kajian ini , penyelidik terlebih dahulu perlu mendapatkan Surat Kebenaran dan Sokongan daripada pihak Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) di Universiti Sains Malaysia . Dengan menggunakan surat daripada pihak PPIP , penyelidik seterusnya perlu mendapatkan surat kebenaran dan sokongan untuk menjalankan penyelidikan daripada pihak Pegawai Pendidikan Daerah LMS sebelum penyelidik dapat berhubung dengan pihak sekolah . Seterusnya , penyelidik perlu berjumpa dengan guru besar sekolah yang dipilih sebagai sampel kajian untuk menyatakan dan memperjelaskan tujuan kajian disamping membincangkan tentang tatacara pengendalian soal selidik yang akan dijalankan di sekolah berkenaan .

Soal selidik untuk guru diedarkan kepada pengetua sekolah berkenaan untuk diagihkan kepada guru-guru . Kerjasama dari salah seorang penolong kanan dipohon daripada guru besar untuk mengendalikan soal selidik tersebut . Penyelidik cuba untuk mendapatkan soal selidik yang telah dilengkapkan supaya dihantar terus kepadanya untuk mengelakkan pencemaran . Tempuh yang diberikan kepada guru-guru untuk menjawab soal selidik adalah 2 hari . Penyelidik akan mengadakan pertemuan susulan

dengan penolong kanan atau guru besar jika terdapat soal selidik yang tidak dikembalikan .

Soal selidik untuk pengetua terdiri dari sehelai soal selidik yang berbentuk borang . Guru besar diminta memberi maklumat tentang jumlah murid sekolah masing-masing berdasarkan etnik , jumlah murid yang menerima Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) dan sejarah sekolah .

Setelah pengutipan semula soal selidik disempurnakan , penyelidik perlu menghantar surat penghargaan kepada guru besar dan guru-guru untuk menyatakan rasa terima kasih penyelidik atas sokongan guru besar dan guru-guru yang turut membantu penyelidikan ini .

### **3.8 Tatacara analisis data**

Semua data dalam kajian ini dianalisis dengan menggunakan program Statistical Packages For Social sciences (SPSS) versi 6.0 . Analisis kajian menggunakan statistik diskriptif dan statistik perbandingan min.

#### **3.8.1 Statistik diskriptif**

Analisis yang menggunakan statistik diskriptif dalam kajian ini adalah bertujuan untuk menunjukkan ringkasan daripada data keseluruhan . Di antara statistik yang digunakan meliputi jumlah , peratus , min , sisihan piawai , mod dan med . Statistik ini digunakan untuk menunjukkan komposisi responden dan ciri-ciri demografi .

#### **3.8.2 Statistik perbandingan min**

Statistik inferensi yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk menguji hipotesis . Anova satu hala digunakan untuk perbandingan skor min di antara 3

kumpulan sekolah bagi semua pembolehubah kajian . Sebelum analisis varian (ANOVA) digunakan , ujian Levene dijalankan terlebih dahulu untuk memastikan varian bagi kumpulan sekolah adalah homogenus . Ujian Tukey-HSD hanya dilakukan untuk mengesahkan dan mengenalpasti subset jika terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan sekolah.

### 3.8.3 Analisis faktor

Dalam kajian ini , penyelidik menggunakan teknik perangkaan analisis faktor atas data yang diperolehi daripada responden untuk mengenalpasti item-item yang mempunyai persamaan dalam dimensi kajian . Item yang mempunyai faktor muatan yang sama atau melebihi 3.0 dan bersesuaian dengan teori akan dikelompokkan ke dalam satu subskala atau faktor yang sama . Faktor yang terbit daripada analisis ini akan digunakan untuk analisis yang berkaitan dengan kajian ini.

### 3.9 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya menerangkan kaedah dan prosedur yang digunakan dalam kajian ini . Kaedah penyelidikan yang digunakan akan dapat mengenalpasti faktor-faktor yang menjelaskan keberkesanan sesebuah sekolah .

## **Bab 4**

### **Analisis dan Dapatan Kajian**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini mengemukakan analisis terhadap data yang diperolehi daripada para responden . Keputusan yang diambil adalah berdasarkan kepada penafsiran yang diperolehi daripada jawapan responden . Analisis data dibahagikan kepada empat bahagian utama . Bahagian pertama terdiri daripada analisis terhadap pengumpulan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini . Bahagian kedua terdiri daripada analisis terhadap kebolehpercayaan instrumen kajian . Bahagian ketiga adalah analisis faktor terhadap dimensi keberkesanan sekolah . Bahagian keempat pula mengandungi huraian maklumat yang diperolehi daripada para responden . Manakala bahagian terakhir mengandungi analisis pengujian hipotesis .

#### **4.2 Perihal pengumpulan data**

Dari jadual 4.1 ( Lampiran A2) , didapati 169 set soal selidik ( 80.5% ) digunakan untuk tujuan analisis data . Bilangan soal selidik yang tidak dikembalikan oleh responden adalah 21 set ( 10.0% ) manakala bilangan soal selidik yang tidak disempurnakan oleh responden ialah 20 set ( 9.5% ) .

#### **4.3 Analisis Faktor**

Analisis faktor telah dijalankan terhadap data yang diperolehi daripada 169 orang responden . Tujuan analisis ini adalah untuk mengenali dimensi keberkesanan sekolah yang sesuai untuk digunakan dalam ujian terhadap amalan di sekolah yang

membawa kepada pencapaian cemerlang . Dimensi keberkesanan sekolah diperolehi melalui penyaringan komponen utama (principal components) , putaran matriks Varimax dan Kaiser Normalization .

Analisis faktor yang dijalankan telah menerbitkan 14 faktor sebagai output yang mempunyai nilai Eigen  $\geq 1.0$  . Setelah dibuat penelitian terhadap faktor-faktor yang dihasilkan daripada analisis faktor , didapati 9 faktor keberkesanan sekolah yang sesuai untuk kajian ini dengan mengambilkira faktor muatan yang melebihi 0.3 . Item-item yang mempunyai faktor muatan yang lebih rendah daripada 0.3 dikelompokkan berdasarkan teori ( rujuk Lampiran C1).

Analisis faktor ini telah menunjukkan bahawa faktor 2 dan faktor 3 adalah faktor yang sama menurut persepsi guru-guru . Item-item yang berkaitan dengan pengajaran guru ( S11, S12, S24, S26, S27 dan S44) didapati terkumpul sama ada di dalam faktor 2 atau faktor 3 . Oleh itu , faktor 2 dan faktor 3 digabungkan di bawah dimensi **Pengajaran Berkesan** manakala dimensi **Tumpuan Kepada Akademik** digugurkan (rujuk Lampiran C2).

Di samping itu , terdapat 3 item iaitu S38 , S40 dan S43 yang mempunyai faktor muatan masing-masing 0.63 , 0.53 dan 0.70 yang dikelompokkan dalam faktor 7 , didapati berbeza daripada dimensi yang dipilih berasaskan teori . Faktor ini dijadikan dimensi baru dan dinamakan sebagai **Pemupukan konsep sendiri akademik** . Oleh itu , kajian ini menggunakan 9 subskala yang diperolehi daripada analisis faktor adalah seperti berikut :

1. Kepimpinan berkesan
2. Pengajaran berkesan

3. Budaya sekolah positif
4. Jangkaan tinggi untuk semua
5. Hak dan tanggung jawab pelajar
6. Pemupukan konsep sendiri akademik
7. Pembangunan staf
8. Pemantauan kemajuan
9. Penglibatan ibu bapa .

Pengagihan item soal selidik berdasarkan faktor dinyatakan dalam Lampiran B2 dan korelasi di antara pembolehubah pula dinyatakan dalam Lampiran C3.

#### 4.4 Analisis kajian kebolehpercayaan

Ujian koefisien kebolehpercayaan instrumen kajian dilakukan terhadap seratus enam puluh sembilan responden ( $n= 169$ ) . Secara keseluruhan , nilai koefisien kebolehpercayaan instrumen kajian bagi 48 item adalah 0.92 .

Analisis secara terperinci mengikut dimensi daripada jadual 4.2 (Lampiran A3) menunjukkan bahawa dimensi kepimpinan berkesan yang terdiri daripada 8 item mempunyai nilai koefisien kebolehpercayaan yang paling tinggi iaitu  $\alpha = 0.77$  . Manakala dimensi penglibatan ibu bapa yang terdiri daripada 4 item mempunyai nilai koefisien kebolehpercayaan yang paling rendah iaitu  $\alpha = 0.44$  . Secara keseluruhan , hanya dua dimensi yang mempunyai koefisien kebolehpercayaan yang kurang daripada 0.5 iaitu dimensi pemantauan kemajuan dan dimensi penglibatan ibu bapa . Manakala dimensi-dimensi lain mempunyai koefisien kebolehpercayaan ,  $\alpha$  , yang melebihi 0.5 .

#### 4.5 Latar belakang kajian

Maklumat latar belakang kajian dibahagikan kepada dua kategori . Kategori pertama adalah mengandungi maklumat latar belakang responden . kategori kedua pula mengandungi maklumat latar belakang sekolah .

##### 4.5.1 Latar belakang responden

Maklumat latar belakang responden merupakan maklumat yang diperolehi daripada maklumbalas yang diterima daripada responden melalui soal selidik . Jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 169 orang yang terdiri daripada guru-guru sekolah rendah kebangsaan di daerah Larut Matang dan Selama , Perak .

###### 4.5.1.1 Latar belakang responden berdasarkan jantina

Dari jadual 4.3 ( Lampiran A3), didapati responden kajian terdiri daripada 35 orang guru lelaki ( 20.9% ) , manakala guru perempuan pula berjumlah 134 orang ( 79.3% ) . Taburan responden mengikut kumpulan sekolah pula didapati bahawa 54 responden (32.0%) daripada kumpulan SPR, 56 responden (33.1%) daripada kumpulan SPS dan 59 responden (34.9%) daripada kumpulan SPT .

###### 4.5.1.2 Latar belakang responden berdasarkan jawatan

Dari jadual 4.4 (Lampiran A4) , didapati bahawa 15 orang responden ( 8.9% ) terdiri daripada guru-guru yang memegang jawatan sebagai penolong kanan atau penyelia petang . Manakala guru biasa yang menjadi responden kajian ialah 154 orang ( 91.1% ) .

#### 4.5.1.3 Latar belakang responden berdasarkan etnik

Dari Jadual 4.5 ( Lampiran A4) , didapati bahawa 126 orang responden ( 74.6% ) adalah terdiri daripada guru Melayu . Manakala 28 orang responden ( 16.6% ) terdiri daripada guru Cina dan 13 orang responden ( 7.7% ) adalah guru India. Hanya dua orang responden ( 1.2% ) yang terdiri lain-lain bangsa.

#### 4.5.1.4 Latar belakang responden berdasarkan umur

Dari jadual 4.6 ( Lampiran A5) , didapati bahawa hanya terdapat 2 orang responden ( 1.2% ) yang berumur kurang daripada 25 tahun . Setiap kategori umur menunjukkan taburan yang agak seimbang . Mod umur responden adalah terdiri daripada guru-guru yang berumur diantara 36 hingga 40 tahun dengan bilangan responden berjumlah 44 orang ( 26.0% ).

#### 4.5.1.5 Latar belakang responden berdasarkan pengalaman

Dari jadual 4.7 ( Lampiran A6) , didapati bahawa hanya 20 orang responden ( 11.8% ) mempunyai pengalaman mengajar yang tidak lebih daripada 5 tahun . Mod pengalaman mengajar responden adalah terdiri daripada guru-guru mempunyai pengalaman mengajar di antara 11 hingga 15 tahun dengan jumlah 46 responden ( 27.2% ).

#### 4.5.2 Latar belakang sekolah

Maklumat latar belakang sekolah diperolehi daripada guru besar sekolah yang terpilih sebagai sampel kajian . Soal selidik untuk guru besar merupakan soalan



terbuka mengenai bilangan murid mengikut bangsa dan bilangan murid yang menerima Skim Pinjaman Buku Teks ( SPBT ).

#### 4.5.2.1 Latar belakang murid berdasarkan etnik

Dari jadual 4.8 pula ( Lampiran A6 ), didapati bahawa setiap kumpulan sekolah mempunyai peratus murid Melayu yang paling besar . Kumpulan SPT mempunyai 55.1% , kumpulan SPS mempunyai 46.3% dan kumpulan SPR mempunyai 67.2% daripada jumlah murid masing-masing adalah Melayu . Peratus murid Cina di dalam setiap kumpulan sekolah makin berkurangan apabila prestasi sekolah berkurangan . Peratus murid Cina dalam kumpulan SPT adalah 22.0% manakala peratus murid Cina dalam kumpulan SPS adalah 19.8% . Dalam kumpulan SPR , peratus murid Cina hanya 1.9% sahaja . Peratus murid India dalam kumpulan SPT dan SPR adalah hampir sama iaitu masing-masing 22.4% dan 24.1% manakala peratus murid India dalam kumpulan SPS lebih tinggi iaitu 33.0% . Peratus murid lain-lain bangsa adalah kecil dan tidak melebihi 1.0% .

#### 4.5.2.2 Latar belakang murid berdasarkan kelayakan pinjaman SPBT

Dari jadual 4.9 ( Lampiran A7 ), didapati bahawa kumpulan SPR mempunyai peratus murid yang menerima SPBT yang tertinggi iaitu 97.0% . Kumpulan SPS pula berada di tempat kedua dengan peratus murid yang menerima SPBT adalah 63.7% . Manakala kumpulan SPT mempunyai peratus murid yang menerima SPBT yang paling rendah iaitu 55.1% sahaja .

## 4.6 Analisis pembolehubah

Analisis terhadap pembolehubah berdasarkan kepada maklumbalas yang diberikan oleh para responden . Analisis pembolehubah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis skor pembolehubah dan analisis kedudukan pembolehubah berdasarkan kumpulan prestasi .

### 4.6.1 Analisis skor pembolehubah

Analisis terhadap skor pembolehubah ditunjukkan di dalam jadual 4.10 dan kedudukan pembolehubah disusun mengikut susunan menurun dengan merujuk kepada nilai skor min .

Pembolehubah yang mempunyai skor min yang tertinggi adalah pembolehubah **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** yang mempunyai skor min 3.64 dengan sisihan piawai 0.35 . Sisihan piawai pembolehubah **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** adalah sisihan piawai yang terendah di antara sisihan piawai pembolehubah kajian . Ini menunjukkan pembolehubah **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** adalah sangat penting dan paling kerap dilakukan di sekolah daripada persepsi guru .

Pembolehubah yang mendapat kedudukan kedua tertinggi adalah pembolehubah **Pengajaran Berkesan** dengan skor min bernilai 3.30 dan sisihan piawai bernilai 0.37 . Nilai sisihan piawai pembolehubah **Pengajaran Berkesan** juga adalah yang kedua terendah didalam sisihan piawai kajian . Pembolehubah **Pengajaran Berkesan** adalah penting dan kerap dilakukan di sekolah menurut persepsi guru .

Pembolehubah **Jangkaan tinggi untuk semua** mendapat nilai skor Min 3.24 dengan sisihan piawai bernilai 0.39 . Manakala Pembolehubah **Pemantauan Kemajuan** mendapat nilai skor Min 3.23 dengan sisihan piawai bernilai 0.45 .

Pembolehubah **Hak dan tanggungjawab pelajar** mendapat nilai skor Min 3.22 dengan sisihan piawai bernilai 0.48 . Ketiga-tiga pembolehubah ini mempunyai skor min yang hampir sama tetapi pembolehubah **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** mempunyai skor yang lebih homogenus .

Jadual 4.10 : Skor pembolehubah mengikut kedudukan ( n = 169 )

Pembolehubah	Min	SP	Minimum	Maximum	Med	Mod
1. Pemupukan konsep sendiri akademik	3.64	0.35	2.75	4.00	3.75	4.00
2. Pengajaran berkesan	3.30	0.37	2.36	3.91	3.36	3.46
3. Jangkaan tinggi untuk semua	3.24	0.39	2.20	4.00	3.20	3.20
4. Pemantauan kemajuan	3.23	0.45	1.33	4.00	3.33	3.33
5. Hak & Tanggungjawab pelajar	3.22	0.48	1.67	4.00	3.33	3.33
6. Kepimpinan berkesan	3.12	0.46	1.63	4.00	3.13	2.88
7. Penglibatan ibu bapa	3.03	0.40	2.00	3.75	3.00	3.00
8. Budaya sekolah positif	2.92	0.42	1.50	4.00	3.00	3.17
9. Pembangunan staf	2.66	0.57	1.33	4.00	2.67	2.33

Nota : SP : Sisihan Piawai

Pembolehubah **Kepimpinan berkesan** mendapat nilai skor Min 3.12 dengan sisihan piawai bernilai 0.46 . Pembolehubah **Penglibatan Ibu Bapa** mendapat nilai skor Min

3.03 dengan sisihan piawai bernilai 0.40 . Menurut persepsi guru , walaupun kedua-dua pembolehubah ini penting tetapi bukan merupakan faktor yang diutamakan .

Pembolehubah **Budaya Sekolah Positif** mendapat kedudukan yang kelapan iaitu tempat kedua terendah dengan nilai skor min 2.92 dan nilai sisihan piawai 0.42 . Pembolehubah **Pembangunan Staf** mendapat kedudukan yang terakhir iaitu tempat sembilan dengan nilai skor min 2.66 dan nilai sisihan piawai 0.57 . Menurut persepsi guru , **Pembangunan Staf** dan **Budaya Sekolah Positif** adalah kurang penting dan kurang diberi keutamaan . Nilai sisihan piawai pembolehubah **Pembangunan Staf** adalah tertinggi di antara nilai sisihan piawai pembolehubah kajian . Ini menunjukkan guru mempunyai persepsi yang heterogenus terhadap pembolehubah **Pembangunan Staf** .

#### 4.6.2 Analisis kedudukan pembolehubah berdasarkan kumpulan prestasi

Dari jadual 4.11 ( Lampiran A7 ) , pembolehubah **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** mendapat pangkatan pertama bagi kumpulan SPT , SPS dan SPR . Ini menunjukkan kebanyakan responden berpendapat bahawa pembolehubah **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** adalah perlakuan paling penting untuk sekolah berkesan .

Pembolehubah **Pengajaran berkesan** mendapat kedudukan kedua daripada kumpulan SPS dan SPR , manakala kumpulan SPT meletakkan pembolehubah PB hanya pada kedudukan kelima . Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden daripada kumpulan SPS dan SPR berpendapat bahawa perlakuan **Pengajaran**

**Berkesan** adalah sangat penting tetapi responden daripada kumpulan SPT berpendapat bahawa perlakuan **Pengajaran Berkesan** tidak begitu penting .

Responden daripada kumpulan SPT memberi kedudukan kedua kepada pembolehubah **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** , manakala responden daripada kumpulan SPS memberi kedudukan ketiga dan keempat oleh kumpulan SPR . Pembolehubah **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** diberi keutamaan yang lebih oleh kumpulan SPT jika dibandingkan dengan kumpulan SPS dan SPR .

Responden daripada kumpulan SPT, SPS dan SPR memberi kedudukan yang tidak menunjukkan pola tertentu kepada pembolehubah **Pemantauan Kemajuan** , **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** , **Kepimpinan Berkesan** dan **Penglibatan Ibu Bapa** .

Responden daripada kumpulan SPT memberi kedudukan ketujuh kepada pembolehubah **Budaya Sekolah Positif** , manakala kumpulan SPS dan SPR memberi kedudukan kelapan sahaja . Pembolehubah **Budaya Sekolah Positif** lebih diutamakan oleh kumpulan SPT jika dibandingkan dengan kumpulan SPS dan SPR .

Pembolehubah **Pembangunan Staf** mendapat kedudukan kesembilan bagi kumpulan SPT , SPS dan SPR . Kebanyakan responden berpendapat bahawa pembolehubah ini kurang penting dan paling kurang diberikan keutamaan .

#### 4.5 Ujian hipotesis

Bahagian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian sama ada terdapat perbezaan perlakuan di sekolah yang dapat menjelaskan perbezaan keberkesanan di antara sekolah .

$H_1$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik (PKKA)** daripada sekolah kurang berkesan .

Dari jadual 4.12 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.540 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.12 : Analisis varian pembolehubah PKKA terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.2241	0.1120	0.9192	0.4009
Within Groups	166	20.2338	0.1219		
Total	168	20.4578			

Levene Test for Homogeneity of Variances				
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.	
0.6180	2	166	0.540	

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.12 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.4009 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_1$  ditolak .

$H_2$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pengajaran Berkesan (PB)** daripada sekolah kurang berkesan.

Daripada jadual 4.13 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.971 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.13 : Analisis varian pembolehubah PB terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.0017	0.0009	0.0062	0.9938
Within Groups	166	23.1141	0.1392		
Total	168	23.1158			
Levene Test for Homogeneity of Variances					
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.		
0.296	2	166	0.971		

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.13 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.9938 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pengajaran Berkesan** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_2$  ditolak .

$H_3$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua (JTUS)** daripada sekolah kurang berkesan .

Daripada jadual 4.14 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.500 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.14 : Analisis varian pembolehubah JTUS terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.7511	0.3756	2.4822	0.0867
Within Groups	166	25.1159	0.1513		
Total	168	25.8670			

Levene Test for Homogeneity of Variances			
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.
0.6954	2	166	0.500

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.14 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.0867 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_3$  ditolak .

$H_4$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemantauan Kemajuan (PK)** daripada sekolah kurang berkesan.

Daripada jadual 4.15 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.882 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan



SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.15 : Analisis varian pembolehubah PK terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.7217	0.3609	1.7720	0.1732
Within Groups	166	33.8056	0.2036		
Total	168	34.5273			

Levene Test for Homogeneity of Variances				
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.	
0.1251	2	166	0.882	

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.15 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.1732 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pemantauan Kemajuan** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_4$  ditolak .

$H_5$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** (HTP) daripada sekolah kurang berkesan .

Daripada jadual 4.16 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.763 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan

SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.16 : Analisis varian pembolehubah HTP terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.7232	0.3616	1.5556	0.2141
Within Groups	166	38.5852	0.2324		
Total	168	39.3083			

Levene Test for Homogeneity of Variances			
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.
0.2709	2	166	0.763

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.16 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.1732 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Hak dan Tanggung jawab Pelajar** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_5$  ditolak .

$H_6$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Kepimpinan Berkesan (KB)** daripada sekolah kurang berkesan.

Daripada jadual 4.17 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.697 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan

SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.17 : Analisis varian pembolehubah KB terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	0.0781	0.0391	0.1852	0.8311
Within Groups	166	35.0238	0.2110		
Total	168	35.1019			

Levene Test for Homogeneity of Variances			
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.
0.3615	2	166	0.697

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.17 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.8311 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Kepimpinan Berkesan** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_6$  ditolak .

$H_7$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa (PIB)** daripada sekolah kurang berkesan .

Daripada jadual 4.18 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.345 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.18 : Analisis varian pembolehubah PIB terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	1.3396	0.6698	4.2903	0.0153
Within Groups	166	25.9156	0.1561		
Total	168	27.2552			

Levene Test for Homogeneity of Variances				
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.	
0.0712	2	166	0.345	

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.18 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.0153 dan nilai ini adalah kurang daripada 0.05 , maka terdapat perbezaan min yang signifikan di antara kumpulan prestasi . Ujian Tukey HSD dalam jadual 4.19 (Lampiran A8) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan pada aras signifikan 0.05 di antara kumpulan SPT dan SPR sahaja . Walau bagaimana pun tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan SPT dengan kumpulan SPS dan di antara kumpulan SPS dengan kumpulan SPR. Oleh itu , kita dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** berbeza di antara kumpulan SPT dan SPR sahaja . Oleh kerana tidak terdapat perbezaan perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** di antara kumpulan SPT dan kumpulan SPS , maka perbezaan di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan masih lagi tidak signifikan . Dengan itu hipotesis  $H_7$  ditolak .

**H<sub>8</sub>** : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Budaya Sekolah Positif (BSP)** daripada sekolah kurang berkesan .

Daripada jadual 4.20 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.660 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.20 : Analisis varian pembolehubah BSP terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	1.9889	0.9945	5.8231	0.0036
Within Groups	166	28.3493	0.1708		
Total	168	30.3383			

Levene Test for Homogeneity of Variances				
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.	
0.4159	2	166	0.660	

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.20 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.0036 yang kurang daripada aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min di antara kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah signifikan pada aras 0.05 . Ujian Tukey HSD dalam jadual 4.21 (Lampiran A9) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan min yang signifikan di antara kumpulan SPT dengan SPS dan di antara kumpulan SPT dengan kumpulan SPR . Manakala perbezaan min di antara kumpulan SPS dengan kumpulan SPR adalah tidak signifikan. Justeru itu , kita dapat membuat kesimpulan bahawa terdapat perbezaan perlakuan

**Budaya Sekolah Positif** di antara kumpulan SPT dengan SPS dan di antara kumpulan SPT dengan SPR . Tetapi tidak terdapat perbezaan perlakuan **Budaya Sekolah Positif** di antara kumpulan SPS dengan SPR . Oleh kerana min kumpulan SPT adalah lebih besar dengan signifikan daripada kumpulan SPS dan kumpulan SPR , maka hipotesis  $H_8$  telah dibuktikan benar dan diterima .

$H_9$  : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pembangunan Staf (PS)** daripada sekolah kurang berkesan .

Daripada jadual 4.22 , Ujian Levene menunjukkan aras kesignifikan varian pada nilai 0.979 yang melebihi aras kesignifikan 0.05 . Ini menunjukkan bahawa kumpulan SPT , SPS dan SPR adalah homogenus dan memenuhi andaian statistik parametrik untuk penggunaan statistik ANOVA .

Jadual 4.22 : Analisis varian pembolehubah PS terhadap kumpulan sekolah

Source	D.F.	Sum of Squares	Mean Squares	F Ratio	F Prob.
Between Groups	2	1.1996	0.5998	1.8859	0.1549
Within Groups	166	52.7977	0.3181		
Total	168	53.9974			
Levene Test for Homogeneity of Variances					
Statistic	df1	df2	2-tail Sig.		
0.0215	2	166	0.979		

Daripada ujian ANOVA dalam jadual 4.22 , didapati nilai bangkalian F yang diperolehi adalah 0.1549 yang lebih besar daripada 0.05 , maka perbezaan min antara

kumpulan prestasi adalah tidak signifikan pada aras 0.05 . Keputusan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pembangunan Staf** bagi kumpulan SPT, SPS dan SPR adalah sama . Justeru itu , hipotesis  $H_0$  ditolak .

#### 4.7 Rumusan

Keputusan analisis keatas semua hipotesis menunjukkan bahawa perbezaan perlakuan diantara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan hanya terdapat dalam dua dimensi sahaja iaitu dimensi budaya sekolah positif dan dimensi penglibatan ibu bapa . Ringkasan keseluruhan pengujian hipotesis dilaporkan didalam jadual 4.23 .

Jadual 4.23 : Ringkasan keseluruhan pengujian hipotesis

Hipotesis	Keputusan
$H_1$ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Pemupukan Konsep Kendiri Akademik</b> pelajar daripada sekolah kurang berkesan .	Ditolak
$H_2$ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Pengajaran Berkesan</b> daripada sekolah kurang berkesan .	Ditolak
$H_3$ : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Jangkaan Tinggi Untuk Semua</b> daripada sekolah kurang berkesan .	Ditolak

Sambungan

<p>H<sub>4</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Pemantauan Kemajuan</b> daripada sekolah kurang berkesan.</p>	<p>Ditolak</p>
<p>H<sub>5</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Hak dan Tanggung jawab Pelajar</b> daripada sekolah kurang berkesan.</p>	<p>Ditolak</p>
<p>H<sub>6</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Kepimpinan Berkesan</b> daripada sekolah kurang berkesan .</p>	<p>Ditolak</p>
<p>H<sub>7</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Penglibatan Ibu Bapa</b> daripada sekolah kurang berkesan .</p>	<p>Ditolak</p>
<p>H<sub>8</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Budaya Sekolah Positif</b> daripada sekolah kurang berkesan .</p>	<p>Diterima</p>
<p>H<sub>9</sub> : Terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan <b>Pembangunan Staf</b> daripada sekolah kurang berkesan .</p>	<p>Ditolak</p>



## Bab 5

### Perbincangan dan Kesimpulan

#### 5.1 Pendahuluan

Bab ini menumpukan kepada perbincangan untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan di dalam bab pertama. Perbincangan yang dikemukakan akan merujuk kepada dapatan dan hasil ujian hipotesis yang diperolehi daripada analisis data responden. Seterusnya diikuti dengan perbincangan tentang implikasi kajian, batasan kajian dan diakhiri dengan rumusan.

#### 5.2 Perbincangan

##### 5.2.1 Latar belakang responden

Jika diteliti latar belakang responden di dalam jadual 4.3, didapati majoriti responden adalah guru perempuan (79.3%) jika dibandingkan dengan guru lelaki (20.7%). Perbandingan bilangan guru mengikut kumpulan sekolah menunjukkan bilangan guru lelaki paling kecil di dalam kumpulan SPT iaitu 5 orang manakala kumpulan SPS mempunyai bilangan guru lelaki yang paling ramai iaitu 20 orang. Kumpulan SPR pula menunjukkan bilangan guru lelaki pada tahap pertengahan iaitu 10 orang. Secara umum, didapati tidak terdapat perkaitan diantara bilangan guru lelaki dengan prestasi kumpulan sekolah.

Daripada jadual 4.5, didapati taburan guru berdasarkan kepada etnik di dalam ketiga-tiga kumpulan sekolah adalah seimbang. Guru Melayu menjadi kumpulan majoriti, manakala guru India menjadi kumpulan terkecil di dalam setiap kumpulan

sekolah . Taburan guru di dalam setiap kumpulan sekolah berdasarkan kepada etnik adalah seimbang .

### 5.2.1 Latar belakang sekolah

Penelitian terhadap jadual 4.9 (Lampiran A7), didapati peratus murid yang layak menerima Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) semakin meningkat apabila prestasi kumpulan sekolah semakin menurun . Murid-murid daripada kumpulan sekolah prestasi rendah yang paling ramai menerima SPBT (97.0%) tetapi hanya 55.1% murid-murid daripada kumpulan sekolah prestasi tinggi yang menerima SPBT . Ini menunjukkan bahawa prestasi sekolah mempunyai kaitan yang kuat dengan jumlah murid yang layak menerima SPBT .

Skim Pinjaman Buku Teks digunakan sebagai ukuran kepada SES kerana penentuan murid yang layak menerima SPBT adalah berdasarkan kepada pendapatan ibu bapa . Slip gaji ibu bapa digunakan sebagai bukti kepada pendapatan mereka . Menurut dasar kelayakan SPBT bagi sekolah kebangsaan , ibu bapa yang mempunyai pendapatan RM 1,500.00 ke bawah adalah layak menerima pinjaman buku teks tanpa mengira bilangan anak dan tanggungan ( rujuk Lampiran E) .

Jika peratus murid yang layak menerima SPBT digunakan sebagai ukuran status sosioekonomi murid , maka 97.0% daripada murid-murid kumpulan sekolah prestasi rendah adalah berasal daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi rendah. Sebaliknya , cuma 55.1% daripada murid-murid dari kumpulan sekolah prestasi tinggi adalah berasal daripada keluarga yang mempunyai status sosioekonomi rendah .

Implikasi dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan kuat di antara prestasi sekolah dengan latar belakang sosioekonomi murid .

### 5.3 Amalan perlakuan sekolah berkesan

Hasil daripada penelitian kepada jadual 4.10, didapati bahawa dimensi pembangunan staf mempunyai skor min yang paling rendah iaitu 2.66 dengan sisihan piawai 0.57 , manakala dimensi pemupukan konsep sendiri akademik mendapat skor min yang paling tinggi iaitu 3.64 dengan sisihan piawai 0.35 . Di samping itu , didapati tujuh dimensi ciri keberkesanan sekolah yang dikaji memperoleh skor min yang melebihi 3.0 dan dua dimensi sahaja yang tidak mencapai skor min 3.0 iaitu dimensi budaya sekolah positif (min=2.92) dan dimensi pembangunan staf ( min= 2.66) .

Menurut persepsi guru , data yang diperolehi ini menunjukkan bahawa sekolah-sekolah yang dikaji telah mempraktikkan perlakuan berasaskan ciri sekolah berkesan dengan baik kerana tujuh dimensi yang dikaji memperoleh skor melebihi 3.0 . Kelemahan dalam mempraktikkan perlakuan yang berasaskan ciri sekolah berkesan didapati berlaku di dalam dimensi budaya sekolah positif dan dimensi pembangunan staf kerana skor min yang diperolehi adalah kurang daripada 3.0 . Justeru itu , ini menunjukkan bahawa kedua-dua dimensi ini kurang diberi perhatian oleh sekolah .

Analisis kedudukan terhadap dimensi ciri sekolah berkesan daripada jadual 4.11 (Lampiran A7) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam memberi keutamaan terhadap pangkatan kedua . Kumpulan sekolah prestasi tinggi lebih mengutamakan dimensi jangkaan untuk semua tetapi kumpulan sekolah prestasi sederhana dan kumpulan sekolah prestasi rendah lebih mengutamakan dimensi pengajaran berkesan . Menurut Teddlie dan Reynolds (2000) , guru besar yang

menzahirkan jangkaan yang tinggi kepada pelajar dan guru akan menghasilkan kesan yang positif kepada keberkesanan sekolah . Implikasi kepada dapatan ini menunjukkan bahawa menzahirkan jangkaan tinggi untuk semua memberi impak yang lebih besar kepada keberkesanan sekolah jika dibandingkan dengan pengajaran berkesan .

#### 5.4 Dapatan ujian hipotesis

Perbincangan mengenai dapatan ujian hipotesis tertumpu kepada mencari perbezaan perlakuan di antara sekolah berkesan ( prestasi tinggi ) dengan sekolah kurang berkesan ( prestasi sederhana dan rendah ) .

a) Hipotesis  $H_1$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah berkesan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_1$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **pemupukan konsep sendiri akademik** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan amalan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid . Justeru itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Helmreich(1972) dan Bandura (1992) dalam Mortimore (1995) yang menyatakan bahawa aras konsep sendiri adalah faktor utama dalam menentukan pencapaian murid . Namun begitu , dapatan ini menyokong kesimpulan Miller (1983) terhadap kajian Brookover (1962) yang menyatakan konsep sendiri adalah sebagai ‘ threshold variable i.e. a necessary but not sufficient factor in high achievement’ (p.26) .

b) Hipotesis H<sub>2</sub> dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pengajaran Berkesan** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Pengajaran Berkesan** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah berkesan adalah

lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_2$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **Pengajaran Berkesan** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Pengajaran Berkesan** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pengajaran Berkesan** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid. Justeru itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Mortimore et al.(1995), Levine dan Lezotte (1990) yang menyatakan bahawa **Pengajaran Berkesan** adalah ciri penting kepada sekolah berkesan .

c) Hipotesis  $H_3$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah berkesan

adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_3$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid . Justeru itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian terdahulu yang menyatakan bahawa faktor **Jangkaan Tinggi Untuk Semua** adalah penting untuk keberkesanan sekolah (Weber ,1971 ,Edmonds et al. ,1979 ;Teddle dan Stringfield ,1993) .

d) Hipotesis  $H_4$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Pemantauan Kemajuan** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Pemantauan Kemajuan** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor

min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah berkesan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_4$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **Pemantauan Kemajuan** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Pemantauan Kemajuan** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pemantauan Kemajuan** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid . Justeru itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian awal Edmonds et al.(1979) yang dikenalpasti sebagai faktor sekolah berkesan .

e) Hipotesis  $H_5$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah



berkesan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan, maka hipotesis  $H_5$  ditolak.

Oleh itu, kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut:

‘ Amalan perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘.

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Hak dan Tanggungjawab Pelajar** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid. Justeru itu, dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Brookover et al. (1979) yang menyatakan pemberian tanggungjawab kepada pelajar dan membenarkan pelajar mengawal situasi pembelajaran mereka boleh dikaitkan dengan hasil yang baik.

Hipotesis  $H_6$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Kepimpinan Berkesan** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Kepimpinan Berkesan** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan. Di samping itu, didapati skor min sekolah berkesan

adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_6$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **Kepimpinan Berkesan** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Kepimpinan Berkesan** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Kepimpinan Berkesan** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid .  
Oleh itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Mortimore(1995) dan mengkaji terdahulu seperti Purkey dan Smith (1983) yang menyatakan faktor kepimpinan adalah faktor penting untuk keberkesanan sekolah . Pernyataan Bolton (1974) dalam Hussein Mahmod (1993) iaitu tingkahlaku pengetua cuma mempunyai hubungan secara tidak langsung dengan pembelajaran dan pencapaian pelajar , adalah selari dengan dapatan kajian ini .

) Hipotesis  $H_7$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** daripada sekolah kurang berkesan.

Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu arah dan ujian Tukey-HSD menunjukkan bahawa walaupun terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** diantara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan tetapi tidak meliputi semua sekolah kurang berkesan, maka hipotesis  $H_7$  ditolak.

Oleh itu, kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut:

‘Amalan perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** di sekolah kurang berkesan adalah lebih baik daripada sekolah berkesan’.

Walaupun sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** pada tahap yang lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah berkesan menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Penglibatan Ibu Bapa** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid. Justeru itu, dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Armor et al. (1976) yang menyatakan bahawa kehadiran ibu bapa disekolah, penglibatan ibu bapa dalam dan komiti sekolah memberi kesan yang positif keatas pencapaian pelajar.

Hipotesis  $H_8$  dinyatakan sebagai terdapat perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan terhadap ukuran perlakuan **Budaya Sekolah Positif** daripada sekolah kurang berkesan.



Keputusan ujian hipotesis yang dilakukan dengan menggunakan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap ukuran perlakuan **Pembangunan Staf** di antara skor min sekolah berkesan dengan skor min sekolah kurang berkesan . Di samping itu , didapati skor min sekolah berkesan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan skor min sekolah kurang berkesan , maka hipotesis  $H_0$  ditolak .

Oleh itu , kesimpulan yang dapat diambil berdasarkan kepada persepsi guru adalah seperti berikut :

‘ Amalan perlakuan **Pembangunan Staf** di sekolah berkesan dan kurang berkesan adalah sama ‘ .

Walaupun sekolah berkesan dan sekolah kurang berkesan mempraktikkan perlakuan **Pembangunan Staf** pada tahap yang sama menurut persepsi guru tetapi pencapaian sekolah berkesan di dalam UPSR adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan prestasi sekolah kurang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perlakuan **Pembangunan Staf** tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik murid . Justeru itu , dapatan ini gagal untuk menyokong dapatan kajian Teddlie dan Reynolds (2000) yang menyatakan bahawa aktiviti **Pembangunan Staf** yang selaras dengan keutamaan perkembangan sekolah adalah penting untuk sekolah berkesan .

## 5.5 Rumusan dapatan kajian

Pertama , kajian keberkesanan sekolah tidak sunyi daripada kritikan . Salah satu kritikan yang dilemparkan kepada kajian keberkesanan sekolah adalah kegagalan penyelidik untuk memasukkan sekolah yang tipikal ( sederhana) ke dalam sampel

kajian ( Teddlie dan Reynolds ,2000) . Kebanyakan kajian yang lalu tertumpu kepada sekolah yang disifatkan sebagai 'outlier' sahaja . Sebagai menyahut kritikan ini , penyelidik telah memilih tiga kategori sekolah iaitu sekolah prestasi tinggi , sekolah prestasi sederhana dan sekolah prestasi rendah untuk digunakan sebagai sampel kajian .

Perbandingan berdasarkan kepada tiga tahap pencapaian yang berbeza akan memberi gambaran yang lebih jelas tentang apakah yang berlaku sekolah . Jika terdapat perbezaan yang signifikan di antara sekolah berkesan ( sekolah prestasi tinggi) dengan sekolah kurang berkesan (sekolah prestasi sederhana dan sekolah prestasi rendah ) , maka perbezaan ini sukar untuk dianggap berlaku secara kebetulan sahaja . Sebaliknya, dapatan itu perlu diberi perhatian yang serius dan dibuat kajian yang terperinci jika peningkatan keberkesanan sekolah menjadi matlamat yang diidamkan oleh organisasi pendidikan .

Menurut persepsi guru , kajian ini mendapati kebanyakan responden berpuas hati dengan tujuh dimensi perlakuan sekolah berkesan yang dipraktikkan di sekolah . Dimensi yang dimaksudkan ialah dimensi **Pemupukan Konsep Kendiri Akademik , Pengajaran Berkesan , Jangkaan Tinggi Untuk Semua , Pemantauan Kemajuan , Hak dan Tanggungjawab Pelajar , Kepimpinan Berkesan dan Penglibatan Ibu Bapa .**

Sebaliknya , kebanyakan responden kurang berpuas hati terhadap dimensi **Budaya Sekolah Positif dan Pembangunan Staf** . Kedua-dua dimensi ini saling berkait di antara satu sama lain . Perkaitan di antara dimensi **Budaya Sekolah Positif** dengan **Pembangunan Staf** digambarkan oleh Teddlie dan Reynolds (2000) sebagai :

“ The generation of a learning community amongs staff in which all members share good practice , act as critical friends and engage in a process of mutual education and re-education is clearly essential in the continuation of a positive school culture over time , as well as in its creation “(p.148).

Banyak kajian mendapati bahawa **Pembangunan Staf** untuk meningkatkan kualiti sekolah perlu berasaskan kepada sekolah (Austin dan Holwenzak , 1985; Mortimore et al.,1988). Oleh itu , dimensi **Pembangunan Staf** perlu diberi perhatian oleh pengurusan sekolah kerana secara tidak langsung ia akan membantu sekolah untuk mengujudkan dan mengekalkan **Budaya Sekolah Positif** .

Hasil kajian didapati bahawa terdapat perbezaan perlakuan **Budaya Sekolah Positif** yang signifikan di antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan . Apa yang menarik di dalam kajian ini , kedua-dua sekolah yang mempunyai prestasi tinggi berasal daripada sekolah yang sama tetapi telah lama diasingkan . Dapatan ini menunjukkan bahawa perlakuan **Budaya Sekolah Positif** boleh digunakan sebagai pembolehubah peramal kepada pencapaian pelajar di sesebuah sekolah . Walaupun sukar untuk menyatakan sejauh mana perlakuan **Budaya Sekolah Positif** menyumbang kepada keberkesanan sekolah tetapi kesan perlakuan **Budaya Sekolah Positif** kepada keberkesanan sekolah tidak dapat dinafikan . Jika dirujuk kepada jadual 3.2 (Lampiran A1) , perbezaan peratus murid yang menerima Skim Pinjaman Buku Teks di antara sekolah prestasi tinggi (55.1%) dengan sekolah prestasi sederhana (63.7) adalah kecil iaitu 8.4 % sahaja tetapi perbezaan peratus pencapaian di antara kumpulan tersebut adalah 20.9% . Manakala perbezaan peratus murid yang menerima Skim Pinjaman Buku Teks di antara sekolah prestasi sederhana (63.7%) dengan sekolah prestasi sederhana (97.0%) adalah 33.3% dan perbezaan peratus pencapaian akademik di

antara kumpulan tersebut adalah 27.7% . Adakah perbezaan status sosioekonomi sebanyak 8.4% yang boleh dianggap kecil itu mampu memberikan kesan perbezaan pencapaian yang besar (20.9%) di antara sekolah prestasi tinggi dengan sekolah prestasi sederhana?. Sedangkan perbezaan status ekonomi yang besar ( 33.3%) hanya mampu memberikan perbezaan pencapaian di antara sekolah prestasi sederhana dengan sekolah prestasi rendah sebanyak 27.7% . Penjelasan ini menunjukkan bahawa perbezaan pencapaian sebanyak 20.9% di antara sekolah prestasi tinggi dengan sekolah prestasi sederhana turut disumbangkan oleh kesan sekolah kerana perbezaan status ekonomi keluarga pelajar hanya 8.4% saja . Oleh kerana perlakuan **Budaya Sekolah Positif** sahaja yang didapati mempunyai perbezaan yang signifikan , maka dapat dirumuskan bahawa **Budaya Sekolah Positif** memberi kesan yang ketara terhadap pencapaian pelajar .

Implikasi yang lebih penting daripada dapatan ini adalah kesan budaya positif keatas pencapaian pelajar hanya dapat ditonjolkan apabila kajian ini menggunakan sampel sekolah yang disifatkan sebagai **tipikal** atau **sedehana** . Kajian ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa penglibatan sekolah tipikal adalah penting untuk kajian keberkesanan sekolah dan cadangan Teddlie dan Reynolds (2000) supaya sekolah tipikal turut digunakan dalam kajian keberkesanan sekolah telah membuahkan hasil yang positif .

Kajian ini juga mendapati bahawa kedudukan status ekonomi keluarga pelajar turut mempunyai kaitan dengan prestasi sekolah kerana sekolah berkesan mempunyai status ekonomi yang lebih tinggi . Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian sosiologi berdasarkan model input-output ( Coleman,et al.,1966 ; Plowden,1967 ,



cks, et al.,1972 ; Hanushek,1981) yang mendapati bahawa faktor latar belakang keluarga mempunyai kesan dan pengaruh yang ketara terhadap pencapaian akademik pelajar

Sebagai kesimpulan , penyelidik berpendapat bahawa **Budaya Sekolah Positif** di latar belakang keluarga pelajar mempunyai pengaruh yang besar terhadap pencapaian pelajar . Adalah sukar untuk menyatakan pencapaian akademik yang tinggi adalah disebabkan oleh **Budaya Sekolah Positif** sahaja kerana sekolah berkesanan (sekolah prestasi tinggi) mempunyai lebih ramai murid yang status sosioekonomi tinggi jika dibandingkan dengan sekolah kurang berkesanan . Hujah yang dikemukakan oleh Ramaiah (1995) yang menyatakan bahawa ' merujuk kepada keadaan di Malaysia , penggunaan prestasi pelajar dalam peperiksaan awam (seperti UPSR) boleh menimbulkan masalah pentafsiran keberkesanan sekolah. Ini adalah kerana gangguan tuisyen luar sekolah ' . Oleh kerana lokasi semua sekolah sampel terletak di dalam bandar yang banyak menyediakan kemudahan tuisyen , maka hujah tersebut sukar untuk diketepikan .

#### 5.6 Implikasi kajian

Dapatan kajian ini yang menunjukkan bahawa terdapat perlakuan **Budaya Sekolah Positif** adalah lebih baik jika dibandingkan dengan sekolah kurang berkesanan . Berdasarkan kepada dapatan ini , keberkesanan sebuah sekolah boleh ditingkatkan dengan meningkatkan **Budaya Sekolah Positif** . Usaha peningkatan budaya sekolah positif dapat dilaksanakan dengan menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan untuk pelajar dan pendekatan untuk staf . Peningkatan **Budaya Sekolah Positif** untuk pelajar dapat dilakukan dengan memberikan ganjaran yang segera terhadap

gkahlaku , usaha dan sumbangan yang baik yang dilakukan oleh pelajar . Di samping , pengurusan sekolah perlu mengambil pendekatan yang tekal terhadap menguatkuasaan peraturan sekolah .

Peningkatan **Budaya Sekolah Positif** untuk staf dilakukan melalui penjanaan komuniti pembelajaran dengan penglibatan staf di dalam ' mutual education' dan pendidikan semula ( Teddlie dan Reynolds, 2000) . Pendekatan ini akan melibatkan latihan dalam perkhidmatan untuk staf yang perlu disesuaikan dengan keperluan staf. Implikasi kepada pendekatan ini ialah pemimpin sekolah dan staf perlu diberi kuasa melalui ' teacher empowerment ' untuk menentukan keperluan mereka melalui proses bemuafakatan dan paradigma pengurusan organisasi pendidikan perlu diubah iaitu daripada pusat kepada pinggiran , daripada ketaatan kepada komitmen dan kawalan kepada perkongsian ( Naisbitts,1984) dalam Wan Zahid (1994).

### 5.7 Cadangan untuk kajian lanjutan

Kajian ini adalah sangat bermakna kepada penyelidik kerana penyelidik berhadapan dengan beberapa persoalan yang memerlukan jawapan semasa kajian dijalankan . Oleh kerana persoalan itu diluar skop kajian , maka penyelidik mengambil keputusan untuk merekodkan beberapa persoalan tersebut ke dalam laporan ini untuk dikaji pada masa yang akan datang .

Pertama , penyelidik dimaklumkan bahawa terdapat empat buah sekolah termasuk sebuah di Taiping yang berasal daripada sekolah mubaligh dan dua buah sekolah yang berlainan menggunakan bangunan yang sama untuk tujuan pengajaran

dan pembelajaran . Persoalan yang timbul adalah bagaimanakah pengurusan sekolah-sekolah itu dilaksanakan sehingga perjalanan sekolah dapat berjalan dengan lancar ?

Kedua , berdasarkan kepada perbincangan diantara penyelidik dengan guru-guru yang menjadi responden . Ramai guru yang mendakwa bahawa mereka mengalami kejutan budaya semasa mula berkhidmat di sekolah mubaligh . Persoalan yang timbul adalah apakah yang membezakan budaya di antara sekolah mubaligh dengan sekolah kebangsaan ?

Ketiga , oleh kerana kajian ini menggunakan empat skala sahaja di dalam soal selidik yang digunakan , didapati jawapan daripada responden kurang terserak . Untuk mengatasi masalah ini , dicadangkan supaya skala lima digunakan untuk tujuan kajian yang akan datang .

Keempat , memandangkan masa yang ada agak pendek dan terdapat cuti umum di dalam tempoh tersebut , maka penyelidik mengambil keputusan untuk menggunakan soal selidik sahaja bagi tujuan pungutan data . Kelemahan kaedah ini dinyatakan oleh Teddle dan Reynolds (2000) sebagai :

“Using surveys, or other proxy measures , to assess quality of instruction is likely to result in socially desirable responses , or responses with little meaningful variance “.

Atas alasan ini , penyelidik mencadangkan supaya kajian lanjutan dilakukan dengan menggunakan kaedah kualitatif seperti pemerhatian .

## 5.8 Penutup

Kajian ini merupakan satu usaha untuk meningkatkan lagi pengetahuan kita mengenai keberkesanan sekolah . Sehingga kini telah banyak penyelidikan

keberkesanan sekolah yang telah dijalankan , tetapi para penyelidik masih belum berjaya untuk menghasilkan suatu teori yang boleh meramalkan keberkesanan sesebuah sekolah . Apa yang diperolehi dalam kajian ini diharap dapat membantu usaha untuk mencari teori yang diidamkan itu . Walaupun kita gagal pada masa ini , kita perlu ingat bahawa :

“ We already know more than we need .....to successfully teach all children whose schooling is of interest to us .” ( Edmonds ,1979) .

Hak Milik MARA

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Karim Mohd. Nor (1989). *Characteristics of Effective Rural Secondary Schools in Malaysia* (Unpublished PhD thesis), University of Wisconsin, Madison.
- Abdul Shukor Abdullah (1995). *Membina sekolah yang berkesan : Aplikasi dasar*, (Kertas Seminar Sekolah Efektif), Genting Highland: Institut Aminuddin Baki .
- Armor, D., Conry-Osequera, P., Cox, M., King, N., McDonnell, L., Pascal, A., Pauly, E. dan Zellman, G. (1976). *Analysis of the School Preferred Reading Program in Selected Los Angeles Minority Schools*, Santa Monica, CA: The Rand Corporation.
- Austin, G.R. & Garber, H. (1985). *Research on Exemplary Schools*, Orlando: Academic Press, Inc .
- Averch, H.A., Carrol, S.J., Donaldson, T.S., Keisling, H.J. dan Pincus, J. (1971). *How Effective Is Schooling? A Critical Review and Synthesis of Research Findings*, Santa Monica, CA: Rand Corporation.
- Brimer, A., Madaus, G.F., Chapman, B., Kellaghan, T. dan Woodroff, R. (1978). *Differences in School Achievement*, Slough: NFER-Nelson.
- Brookover, W.B., Paterson, A. dan Thomas, S. (1962). *Self-concept of Ability and School Achievement*, East Lansing: College of Education, Michigan State University.
- Brookover, W.B., Schweitzer, J.G., Schneider, J.M., Beady, C.H., Flood, P.K. & Wisenbaker, J.M. (1978). *Elementary Schools Social Climate and School Achievement*, American Educational Research Journal, 15, p301-18.

- Brophy, J.E. & Good, T.L. (1986). 'Teacher behaviour and student achievement' dalam Wittrock, M. (ed) *Third Handbook of Research on Teaching*, New York: Macmillan, p328-75.
- Cotton, K. (1995). *Effective schooling practices: A research synthesis, 1995 Update*. School Improvement Research Series: Northwest Regional Educational Laboratory.
- Creemers, B.P.M. (1994). *The Effective Classroom*, London: Cassell.
- Deal, T.E. dan Peterson, K.D. (1990). *The Principal's Role in Shaping School Cultures*, Washington, DC: US Department of Education.
- Edmonds, R.R. (1979). *Effective schools for the urban poor*, *Educational Leadership*, 37, 10 p(15-24).
- Fagerlind, I dan Saha, L.J. (1983). *Education and National Development: A Comparative Perspective*, Oxford: Pergamon Press, p 119.
- Fetler, M.E. dan Carlson, D.C. (1985). Identification of Exemplary Schools on a Large Scale, in Austin, G.R dan Garber, H. (1985). *Research on Exemplary Schools*, Orlando: Academic Press, Inc.
- Gray, J. (1990). *The Quality of schooling: frameworks for judgements*, *British Journal of Educational Studies*, 38, 3, p204-33.
- Hallinger, P. dan Murphy, J. (1986). *The social context of effective schools*, *American Journal of Education*, 94, p328-55.
- Hauser, R.M. (1971). *Socioeconomic Background and Educational Performance*, Washington, DC: Arnold M. Rose Series, American Sociological Association.

- Hopkins, D., Ainscow, M. dan West, M. (1994). *School Improvement in an Era of Change*, London: Cassel.
- Hussein Mahmood (1993). *Kepimpinan dan Keberkesanan Sekolah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka .
- Illich, I. (1970). *Deschooling Society*, New York: Harper and Row.
- Jencks, C.S., Smith, M., Ackland, H., Bane, M.J., Cohen, D., Ginter, H., Heyns, B. dan Michelson, S. (1972). *Inequality: A Reassessment of the Effect of the Family and Schooling in America*, New York: Basic Books.
- Kamaruddin Hj. Husin (1996). *Sekolah dan Perkembangan kanak-kanak*, K.Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan (1989). *Kajian Keberkesanan Sekolah Mengkaji Iklim di Beberapa Sekolah yang Berkesan dan Tidak Berkesan di Semenanjung Malaysia*, <http://www.moe.gov.my/terbit/frinterbit.htm>
- Levine, D.U., & Lezotte, L.W. (1990). *Unusually Effective Schools: A Review and Analysis of Research and Practice*, Madison, WI: National Centre for Effective Schools Research and Development.
- Lezotte, L.W. dan Bancroft, B. (1985). *Growing use of effective schools model for school improvement*, *Educational Leadership*, 42,3, p23-27.
- Lipham, J.M. (1981). *Effective School, Effective Principal*, Reston, Va: National Association of Secondary School Principals.
- Litterer, J.A. (1995). *The Analysis of Organizations*, New York: John Wiley & Sons .
- Louis, K.S. dan Miles, M.B. (1992). *Improving the Urban High School*, London: Cassell.

- Madaus, G.F., Kellaghan, T., Rakow, E.A. dan King, D.J.(1979). *The sensitivity of measures of school effectiveness*, Harvard Educational Review,49,p207-30.
- McGaw, B., Piper, J., Banks, D.dan Evans, B.(1992). *Making Schools More Effective*, Hawthorn,Victoria: Australian Council for Educational Research.
- Miller, S.K.(1983). *The History of Effective Schools Research: A Critical Review* , Annual Meeting of the American Educational Research Association, Montreal, Canada. ERIC Document # ED 231818 .
- Mortimore, P. (1995). *Key Characteristics of Effective Schools* , ( Kertas Seminar Sekolah Efektif) , Genting Highland: Institut Aminuddin Baki .
- Mortimore, P., Sammons, P., Stoll, L., Lewis, D. dan Ecob, R. (1988). *School Matters: The Junior Years*, Somerset: Open Books.
- Murnane, R.J. (1975). *The Impact of School Resources on the Learning of Inner City Children*, Cambridge,MA: Ballinger Publishing Co.
- Murnane, R.J.(1981). *Interpreting the evidence on school effectiveness*, Teacher College Record,83,p 19-35.
- Noor Azmah Ibrahim (2000, 7 November). *UPSR: Bahasa Inggeris, Matematik merosot* , Utusan Malaysia (p-5) .
- Peters, T.J. dan Waterman, R.H.,Jr. (1982). *In Search of Excellence*, New York: Harper and Row.
- Plowden Committee (1967). *Children and Their Primary Schools*, London: HMSO.
- Purkey, S.C. & Smith, M.S. (1983). *Effective Schools: A Review* ,Elementary School Journal ,83(4) :427-452 .



- Rahimah Ahmad dan Zulkifli Abdul Manaf (1996). *Towards developing a profile of effective and less effective schools*, Jurnal Pendidikan, 17:51-63.
- Rahimah, Zulkifli dan Shahril (1998). *School Effectiveness and School Improvement in Malaysia*, (Paper presented for the School Efficiency Conference), Colombo, Sri Lanka.
- Ramaiah, Ai (1995). *Penyelidikan Keberkesanan sekolah : Masalah konsepsi dan metodologi*, K.Lumpur: UM.
- Reid, K., Hopkins, D. & Holly, P. (1987). *Towards the effective School : The problems and some solutions*, Oxford : Basil Blackwell.
- Reynolds, D. dan Sullivan, M. (1981). 'Bringing schools back in' dalam Barton, L.(ed) *Schools, Pupils and Deviance*, Driffield: Nafferton.
- Rosenberg, M. (1963). *Parental Influence in children's self-conceptions*, Sociometry, 26, p35-45.
- Rubbin, A. dan Babbie, E.(1993). *Research Methods For Social Work*, California: Brooks/ Cole Publishing Company.
- Rutter, M., Maughan, B., Mortimore, P., Ouston, J. & Smith, A (1979). *Fifteen Thousand Hours: Secondary Schools and Their Effects on Children*, London: Open Books.
- Scheerens, J. & Bosker, R.J. (1997). *The Foundations of Educational Effectiveness*, Oxford: Pergamon.
- Smith, D.J. dan Tomlinson, S. (1989). *The School Effect. A Study of Multi-racial Comprehensives*, London: Policy Studies Institute.

- Snyder, K.J (1983). *Instructional leadership for productive schools*, Educational Leadership,40(5), p32-37.
- Stedman, L.(1987). *It's time we changed the effective school formula*, Phi Delta Kappan, 69,(3),p 215-244.
- Teddlie, C. & Reynolds, D.(2000). *The International Handbook of School Effectiveness Research* , London: Falmer press .
- Teddlie, C. & Stringfield, S. (1993). *Schools Do Make a Difference: Lesson Learned from a 10-year Study of School Effects*, New York: Teachers College Press.
- Wan Mohd Zahid Mohd Noordin (1994). *Wawasan Pendidikan : Agenda Pengisian* , Kuala Lumpur: Cahaya Pantai Publishing(M) Sdn. Bhd .
